

D.R. 23/2009

**RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN TERHAD DAN
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD LABUAN 2009**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN AKTA

3. Pentadbiran Akta

BAHAGIAN III

PERKONGSIAN TERHAD LABUAN

Bab 1

Penubuhan perkongsian terhadap Labuan

4. Perkongsian terhadap Labuan
5. Pendaftaran perkongsian terhadap Labuan
6. Pindaan perjanjian perkongsian
7. Nama perkongsian terhadap Labuan
8. Pertukaran nama perkongsian terhadap Labuan
9. Pejabat berdaftar perkongsian terhadap Labuan

Bab 2

Pengurusan dan pentadbiran perkongsian terhad Labuan

Fasal

10. Sumbangan pekongsi terhad
11. Hak dan obligasi pekongsi am
12. Penguatkuasaan penghakiman terhadap harta perkongsian terhad Labuan
13. Hak pekongsi terhad
14. Perkongsian keuntungan
15. Urusan oleh pekongsi terhad dengan perkongsian terhad Labuan
16. Hak pekongsi terhad sesama mereka
17. Pemulangan sumbangan pekongsi terhad
18. Liabiliti pekongsi terhad kepada perkongsian terhad Labuan
19. Liabiliti pekongsi terhad kepada pemiutang
20. Penerimaan masuk pekongsi terhad dan pekongsi am tambahan
21. Penyerahhakan
22. Prosiding undang-undang dan penyampaian dokumen
23. Kuasa pekongsi am untuk menandatangani

Bab 3

Pembubaran perkongsian terhad Labuan

24. Notis pembubaran
25. Pembubaran perkongsian terhad Labuan
26. Pembubaran perkongsian terhad Labuan kerana kematian pekongsi am
27. Kuasa mahkamah untuk memerintahkan pembubaran
28. Penyelesaian akaun apabila dibubarkan

*Perkongsian Terhadap dan Perkongsian
Liabiliti Terhadap Labuan*

3

BAHAGIAN IV

PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD LABUAN

Bab 1

Penubuhan perkongsian liabiliti terhadap Labuan

Fasal

29. Perkongsian liabiliti terhadap Labuan
30. Pendaftaran perkongsian liabiliti terhadap Labuan
31. Pendaftaran perubahan butir-butir
32. Nama perkongsian liabiliti terhadap Labuan
33. Pertukaran nama perkongsian liabiliti terhadap Labuan

Bab 2

Penukaran kepada perkongsian liabiliti terhadap Labuan

34. Penukaran daripada perkongsian terhadap Labuan kepada perkongsian liabiliti terhadap Labuan
35. Penukaran daripada syarikat Labuan kepada perkongsian liabiliti terhadap Labuan
36. Penyata hendaklah difailkan
37. Pendaftaran penukaran
38. Kesan pendaftaran
39. Prosiding yang belum selesai
40. Penerusan sabitan, arahan, perintah atau penghakiman
41. Perjanjian sedia ada
42. Kontrak sedia ada, dsb.
43. Penerusan pekerjaan
44. Pelantikan, autoriti atau kuasa sedia ada
45. Pemakaian seksyen 38 hingga 44
46. Liabiliti dan obligasi pekongsi sebelum penukaran
47. Notis penukaran dalam invois dan surat-menyurat

Bab 3

Perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf

Fasal

48. Pendaftaran perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf
49. Nama perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf
50. Pejabat berdaftar perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf
51. Penyata hendaklah difaalkan jika butir-butir, dsb., diubah
52. Penyampaian ke atas perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf
53. Pemberhentian perniagaan di Labuan
54. Pelikuidasian atau pembubaran perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf di tempat pemerbadanan atau tempat asal

Bab 4

Sifat dan transaksi perkongsian liabiliti terhad Labuan

55. Keperibadian undang-undang yang berasingan
56. Liabiliti terhad pekongsi
57. Kuasa pekongsi untuk mengikat perkongsian liabiliti terhad Labuan
58. Hubungan pekongsi
59. Urusan oleh pekongsi dengan perkongsian liabiliti terhad Labuan
60. Penyerahhakan kepentingan
61. Penerimaan masuk dan persaraan pekongsi
62. Kebankrapan pekongsi

Bab 5

Pengurusan dan pentadbiran perkongsian liabiliti terhad Labuan

63. Pejabat berdaftar perkongsian liabiliti terhad Labuan
64. Pekongsi ditetapkan
65. Kewajipan dan tanggungjawab pekongsi ditetapkan
66. Perakuan kesolvenan tahunan

Bab 6

Pembubaran perkongsian liabiliti terhadap Labuan

Fasal

67. Penerimaan dan penggulangan
68. Tatacara alternatif bagi penggulangan secara sukarela perkongsian liabiliti terhadap Labuan
69. Pembatalan pembubaran

BAHAGIAN V

AM

70. Akaun hendaklah disimpan
71. Maksud penubuhan yang dibenarkan
72. Fi
73. Pemeriksaan dan pengemukaan dokumen yang disimpan
74. Bentuk rekod
75. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
76. Dokumen hendaklah difailkan melalui syarikat amanah Labuan
77. Penalti am
78. Kuasa untuk mengenakan penalti pentadbiran
79. Pengkompaunan kesalahan
80. Pemotongan
81. Kemasukan semula dalam daftar
82. Kesan pemotongan
83. Kerahsiaan
84. Hak untuk mendapatkan maklumat
85. Pemakaian Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996
86. Pemakaian undang-undang perkongsian
87. Tatacara jika tidak dinyatakan
88. Kuasa untuk mengecualikan
89. Peraturan-peraturan
90. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang
91. Pemansuhan dan kecualian

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan, pengawalseliaan dan pembubaran perkongsian terhad Labuan dan perkongsian liabiliti terhad Labuan dan bagi perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan 2009.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“daftar”—

- (a) berkenaan dengan perkongsian terhad Labuan, ertinya daftar yang disenggarakan di bawah subseksyen 5(3); dan

- (b) berkenaan dengan perkongsian liabiliti terhad Labuan, ertinya daftar yang disenggarakan di bawah subseksyen 30(7);

“diperakui” ertinya diperakui dengan cara yang ditetapkan sebagai dokumen tertentu atau sebagai salinan benar dokumen tertentu itu;

“harta” termasuklah—

- (a) tiap-tiap jenis aset, sama ada zahir atau tak zahir, alih atau tak alih, ketara atau tak ketara, walau bagaimana diperoleh; dan
- (b) dokumen atau surat cara undang-undang dalam apa-apa bentuk, termasuklah elektronik atau digital, yang membuktikan hakmilik kepada atau kepentingan mengenai, aset itu, termasuklah cek bank, kiriman wang, syer, sekuriti, bon, draf bank dan surat kredit;

“kepentingan perkongsian” ertinya bahagian seseorang pekongsi daripada keuntungan dan kerugian suatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hak untuk menerima pembahagian aset perkongsian dan faedah lain yang diberikan oleh perjanjian perkongsian;

“Labuan” ertinya Wilayah Persekutuan Labuan;

“Lembaga” ertinya Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 [*Akta 545*];

“mahkamah” ertinya mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa;

“menetapkan”, jika tiada cara disebutkan, ertinya menetapkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, dan kuasa untuk menetapkan termasuklah kuasa untuk membuat peruntukan yang berlainan dalam perintah itu bagi orang, golongan, kategori atau perihalan orang yang berlainan, dan “ditetapkan” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“menyatakan”, jika tiada cara disebutkan, ertinya menyatakan dari semasa ke semasa secara bertulis, dan kuasa untuk menyatakan termasuklah kuasa untuk menyatakan secara berlainan bagi orang, golongan, kategori atau perihal orang yang berlainan, dan “dinyatakan” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

“nilai statutori” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 10(2);

“pegawai diberi kuasa” ertinya seorang pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Lembaga di bawah subseksyen 3(2);

“pekongsi”—

- (a) berhubung dengan sesuatu perkongsian terhadap Labuan, ertinya seseorang pekongsi terhadap atau seseorang pekongsi am; dan
- (b) berhubung dengan sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan, ertinya seseorang yang merupakan pekongsi, termasuklah pekongsi ditetapkan, dalam perkongsian itu dan dinamakan sedemikian dalam permohonan yang dibuat kepada Lembaga di bawah seksyen 30 atau notis yang difailkan di bawah seksyen 31,

mengikut mana-mana yang berkenaan;

“pekongsi am”, berhubung dengan sesuatu perkongsian terhadap Labuan, ertinya seseorang yang dinamakan sebagai seorang pekongsi am dalam perjanjian perkongsian yang difailkan di bawah subseksyen 5(2) dan jika lebih daripada seorang, ertinya setiap pekongsi am;

“pekongsi ditetapkan”, berhubung dengan sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan, ertinya seseorang pekongsi yang dikenal pasti sebagai seorang pekongsi ditetapkan dalam permohonan yang dibuat kepada Lembaga di bawah seksyen 30 atau notis yang difailkan di bawah seksyen 31;

“pekongsi terhadap”, berhubung dengan sesuatu perkongsian terhadap Labuan, ertinya seseorang yang dinamakan sebagai seorang pekongsi terhadap dalam daftar yang disimpan di bawah subseksyen 9(5) dan jika lebih daripada seorang, ertinya setiap pekongsi terhadap;

“pelikuidasi yang diluluskan” ertinya seseorang yang diluluskan di bawah subseksyen 12(1) Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*];

“pemastautin” ertinya seseorang yang—

- (a) berhubung dengan orang sebenar, merupakan warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; dan
- (b) berhubung dengan mana-mana orang lain, telah menubuhkan suatu tempat perniagaan, dan sedang beroperasi, di Malaysia,

dan termasuklah seseorang yang diisytiharkan sebagai pemastautin menurut seksyen 43 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*];

“perakuan” ertinya suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah Akta ini;

“perbadanan” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan yang dibentuk atau diperbadankan atau wujud di Malaysia atau di luar Malaysia dan termasuklah sesuatu syarikat Labuan asing tetapi tidak termasuk—

- (a) sesuatu perbadanan seorang;
- (b) sesuatu kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebagai kesatuan sekerja; dan
- (c) sesuatu pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan koperasi;

“perjanjian perkongsian” ertinya suatu perjanjian bertulis pekongsi-pekongsi tentang hal-ehwal sesuatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hak dan obligasi pekongsi sesama mereka;

“perkongsian liabiliti terhad Labuan” ertinya suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah seksyen 30 atau 48;

“perkongsian terhad Labuan” ertinya suatu perkongsian terhad yang didaftarkan di bawah seksyen 5;

“syarikat amanah Labuan” ertinya suatu syarikat yang didaftarkan sebagai suatu syarikat amanah Labuan di bawah Bahagian V Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 [*Akta ...*];

“syarikat Labuan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat Labuan 1990;

“ringgit” ertinya ringgit dalam mata wang Malaysia.

(2) Bagi maksud Akta ini, suatu perkongsian terhadap Labuan adalah tidak solven pada sesuatu masa tertentu apabila pekongsi am tidak berupaya untuk menunaikan hutang dan obligasi perkongsian terhadap Labuan itu, tidak termasuk liabiliti kepada pekongsi berkenaan dengan kepentingan perkongsiannya, apabila ia kena dibayar, daripada aset perkongsian terhadap Labuan itu tanpa menggunakan aset berasingan seseorang pekongsi am yang tidak disumbangkan kepada perkongsian terhadap Labuan itu, dan “solven” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN AKTA

Pentadbiran Akta

3. (1) Lembaga hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran Akta ini, tertakluk kepada arahan dan kawalan am Menteri.

(2) Lembaga boleh memberi kuasa mana-mana anggota atau pegawainya untuk melaksanakan mana-mana fungsinya, menjalankan mana-mana kuasanya, atau menunaikan mana-mana kewajipannya di bawah Akta ini.

(3) Tertakluk kepada batasan tertentu, jika ada, sebagaimana yang ditetapkan, seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah melaksanakan semua fungsi, menjalankan semua kuasa dan menunaikan semua kewajipan Lembaga dan tiap-tiap fungsi yang dilaksanakan sedemikian, kuasa yang dijalankan sedemikian dan kewajipan yang ditunaikan sedemikian hendaklah disifatkan telah dilaksanakan, dijalankan dan ditunaikan dengan sewajarnya bagi maksud Akta ini.

(4) Semua mahkamah, hakim dan orang yang bertindak secara kehakiman hendaklah memberi pengiktirafan kehakiman kepada meterai Lembaga.

BAHAGIAN III

PERKONGSIAN TERHAD LABUAN

Bab 1

Penubuhan perkongsian terhad Labuan

Perkongsian terhad Labuan

4. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, sesuatu perkongsian terhad Labuan boleh dibentuk oleh mana-mana orang bagi apa-apa maksud yang sah.

(2) Sesuatu perkongsian terhad Labuan hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang pekongsi dan tidak lebih daripada lima puluh orang pekongsi yang boleh merupakan mana-mana orang dan yang daripadanya—

- (a) sekurang-kurangnya seorang hendaklah menjadi pekongsi am; dan
- (b) sekurang-kurangnya seorang hendaklah menjadi pekongsi terhad.

(3) Seseorang boleh menjadi pekongsi am dan pekongsi terhad pada masa yang sama dalam perkongsian terhad Labuan yang sama.

(4) Jika sesuatu perkongsian terhad Labuan ditubuhkan bagi maksud menjalankan apa-apa amalan profesional, perkongsian terhad Labuan itu—

- (a) hendaklah terdiri daripada pekongsi yang tiada seorang pun daripadanya merupakan suatu perbadanan; dan
- (b) hendaklah mempunyai perlindungan insurans tanggung rugi profesional yang berkuat kuasa bagi amaun yang tidak kurang daripada amaun yang ditetapkan dengan mana-mana penanggung insurans yang diluluskan oleh Lembaga.

Pendaftaran perkongsian terhadap Labuan

5. (1) Sesuatu permohonan bagi pendaftaran perkongsian terhadap Labuan hendaklah dibuat kepada Lembaga dan disertai dengan fi yang ditetapkan dan apa-apa dokumen yang dinyatakan oleh Lembaga.

(2) Lembaga tidak boleh mendaftarkan sesuatu perkongsian terhadap Labuan melainkan jika telah difailkan dengan Lembaga suatu salinan terperaku perjanjian perkongsian yang telah disempurnakan oleh setiap orang yang, semasa ditubuhkan perkongsian terhadap Labuan itu, menjadi pekongsi dan perjanjian perkongsian itu hendaklah menyatakan—

- (a) nama yang dengannya perkongsian terhadap Labuan itu akan dijalankan;
- (b) alamat yang dicadangkan bagi pejabat berdaftar perkongsian terhadap Labuan itu;
- (c) nama penuh dan alamat setiap pekongsi am atau, dalam hal perbadanan, tempat perbadanan itu diperbadankan dan pejabat berdaftar atau pejabat utamanya;
- (d) tempoh, jika ada, perkongsian terhadap Labuan itu akan wujud atau, jika tempohnya tidak terhad, suatu penyata yang bermaksud sedemikian;
- (e) jenis perniagaan yang akan diusahakan; dan
- (f) apa-apa maklumat lain yang dinyatakan oleh Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah menyenggarakan suatu daftar bagi perkongsian terhadap Labuan yang didaftarkan di bawah Akta ini.

(4) Apabila sesuatu perkongsian terhadap Labuan didaftarkan, Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran yang hendaklah ditandatangani oleh Lembaga atau mana-mana pegawai diberi kuasanya dan dimeteraikan dengan meterai Lembaga.

(5) Sesuatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (4) hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa sesuatu perkongsian terhadap Labuan telah didaftarkan dengan Lembaga.

(6) Lembaga boleh mengenakan atau melampirkan apa-apa syarat, sekatan atau terma yang difikirkannya patut bagi pendaftaran di bawah seksyen ini.

(7) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menghendaki Lembaga mendaftarkan sesuatu perkongsian terhad jika Lembaga tidak berpuas hati dengan butir-butir atau maklumat lain yang diberikan di bawah Akta ini.

Pindaan perjanjian perkongsian

6. (1) Jika apa-apa perubahan dibuat atau berlaku berkenaan dengan mana-mana butir dalam perjanjian perkongsian sesuatu perkongsian terhad Labuan yang didaftarkan di bawah seksyen 5, perkongsian terhad Labuan itu hendaklah, dalam masa tiga puluh hari, memfailkan dengan Lembaga suatu notis yang ditandatangani oleh pekongsi am, yang menyatakan jenis perubahan itu.

(2) Lembaga hendaklah mendaftarkan notis yang disebut dalam subseksyen (1), dan apabila dibayar fi yang ditetapkan, Lembaga boleh mengeluarkan suatu perakuan yang memperakui pendaftaran perubahan butir-butir dalam perjanjian perkongsian itu.

(3) Perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2) hendaklah ditandatangani oleh Lembaga atau mana-mana pegawai diberi kuasanya dan dimeteraikan dengan meterai Lembaga, dan perakuan itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* dalam semua mahkamah tentang perubahan itu.

(4) Lembaga boleh, dalam mana-mana hal tertentu, menghendaki suatu notis yang difailkan di bawah subseksyen (1) dibetulkan oleh perkongsian terhad Labuan itu dengan apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(5) Jika sesuatu perkongsian terhad Labuan tidak mematuhi subseksyen (1) atau (4), setiap pekongsi am boleh dikenakan suatu penalti pentadbiran yang dinyatakan oleh Lembaga.

Nama perkongsian terhad Labuan

7. (1) Nama sesuatu perkongsian terhad Labuan hendaklah berakhir dengan perkataan penuh “Labuan Partnership” atau singkatan

“Ltd.P.”, “LP”, L.P” atau apa-apa bentuk singkatan lain dalam huruf rumi atau perkataan dalam bahasa ibunda sesuatu negara yang memberikan konotasi perkongsian terhad atau apa-apa singkatan daripadanya yang diluluskan oleh Lembaga.

(2) Nama sesuatu perkongsian terhad Labuan boleh dalam huruf, abjad atau bahasa asing dengan syarat bahawa suatu terjemahan yang tepat dan diperakui bagi nama itu dalam bahasa Inggeris digunakan dan dinyatakan dengan jelas dalam tiap-tiap komunikasi bertulis yang dihantar oleh, atau bagi pihak, perkongsian terhad Labuan itu dan tiap-tiap dokumen yang dikeluarkan atau ditandatangani oleh, atau bagi pihak, perkongsian terhad Labuan itu.

(3) Nama seseorang pekongsi terhad tidak boleh terdapat dalam nama sesuatu perkongsian terhad Labuan melainkan jika nama itu juga merupakan nama salah seorang pekongsi am atau perkongsian terhad Labuan itu telah dijalankan di bawah nama itu sebelum penerimaan masuk pekongsi itu sebagai pekongsi terhad.

(4) Nama perbadanan atau mana-mana bahagian nama perbadanan seseorang pekongsi terhad tidak boleh terdapat dalam nama sesuatu perkongsian terhad Labuan melainkan jika nama itu juga merupakan nama perbadanan atau sebahagian daripada nama perbadanan bagi salah seorang pekongsi am atau perkongsian terhad Labuan itu telah dijalankan di bawah nama itu sebelum penerimaan masuk pekongsi perbadanan itu sebagai pekongsi terhad.

(5) Seseorang pekongsi terhad yang nama atau nama perbadanannya terdapat dalam nama perkongsian terhad Labuan bertentangan dengan subseksyen (2) atau (3) hendaklah bertanggung sebagai pekongsi am kepada mana-mana pemiutang perkongsian terhad Labuan itu yang telah memberikan kredit tanpa sebenarnya mengetahui bahawa pekongsi terhad itu bukanlah seorang pekongsi am.

(6) Sesuatu perkongsian terhad Labuan tidak boleh didaftarkan jika nama perkongsian terhad Labuan yang hendak didaftarkan itu adalah pada pendapat Lembaga dalam apa-apa cara mengelirukan atau selainnya tidak wajar.

Pertukaran nama perkongsian terhad Labuan

8. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), sesuatu perkongsian terhad Labuan boleh menukarkan namanya.

(2) Jika sesuatu perkongsian terhad Labuan menukarkan namanya, perkongsian terhad Labuan itu hendaklah, dalam masa tiga puluh hari, memfailkan notis mengenai pertukaran itu dengan ditandatangani oleh pekongsi am kepada Lembaga yang menyatakan jenis pertukaran itu.

(3) Jika Lembaga meluluskan pertukaran nama itu, Lembaga hendaklah, apabila fi yang ditetapkan dibayar, mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran bagi perkongsian terhad Labuan itu di bawah nama baru itu dan pertukaran nama baru itu akan mula berkuat kuasa apabila perakuan pendaftaran itu dikeluarkan.

(4) Jika nama perkongsian terhad Labuan, sama ada dengan tidak disengajakan atau selainnya dan sama ada pada asalnya atau melalui pertukaran nama, ialah suatu nama yang dengannya perkongsian terhad Labuan itu tidak boleh didaftarkan tanpa melanggar seksyen 7, perkongsian terhad Labuan itu hendaklah menukarkan namanya kepada suatu nama yang hendaklah diluluskan oleh Lembaga dan jika Lembaga mengarahkan sedemikian, hendaklah menukarkan nama itu dalam masa tiga puluh hari selepas tarikh arahan itu atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh Lembaga.

(5) Jika perkongsian terhad Labuan itu tidak mematuhi arahan yang diberikan oleh Lembaga di bawah subseksyen (4), perkongsian terhad Labuan itu boleh dikenakan suatu penalti pentadbiran yang dinyatakan oleh Lembaga.

(6) Suatu pertukaran nama menurut Akta ini tidak akan menjejaskan identiti perkongsian terhad Labuan atau apa-apa hak atau obligasi perkongsian terhad Labuan itu, atau mencatatkan apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap perkongsian terhad Labuan itu.

(7) Apa-apa prosiding undang-undang yang mungkin diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap perkongsian terhad Labuan dengan nama terdahulunya boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap perkongsian terhad Labuan itu dengan nama barunya.

Pejabat berdaftar perkongsian terhad Labuan

9. (1) Sesuatu perkongsian terhad Labuan hendaklah mempunyai suatu pejabat berdaftar di Labuan yang hendaklah merupakan pejabat berdaftar suatu syarikat amanah Labuan.

(2) Sesuatu perkongsian terhad Labuan boleh menukarkan alamat pejabat berdaftarnya dari semasa ke semasa dengan memfailkan notis pertukaran itu dengan Lembaga.

(3) Pertukaran alamat itu hendaklah didaftarkan oleh Lembaga dan hendaklah mula berkuat kuasa apabila didaftarkan.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), sehingga berakhir tempoh tiga puluh hari yang bermula pada tarikh pertukaran alamat sesuatu perkongsian terhad Labuan didaftarkan, seseorang boleh dengan sah menyampaikan apa-apa dokumen kepada perkongsian terhad Labuan itu di pejabat berdaftarnya yang terdahulu.

(5) Sesuatu perkongsian terhad Labuan hendaklah menyimpan di pejabat berdaftarnya—

(a) suatu daftar—

(i) yang menunjukkan, dalam hal seseorang individu, nama penuh dan alamat bagi setiap pekongsi terhad dan pekongsi am dan, dalam hal sesuatu perbadanan, nama penuhnya, tempat perbadanan itu diperbadankan dan pejabat berdaftar atau pejabat utamanya; dan

(ii) yang menunjukkan bagi setiap pekongsi terhad, jika penyertaan oleh pekongsi terhad itu ditentukan melalui peratusan kepentingan atau dengan bilangan unit atau hak serupa yang lain yang dipegang oleh mereka, peratusan kepentingan atau bilangan dan kelas unit atau hak lain yang dipegang;

(b) suatu salinan perjanjian perkongsian bagi perkongsian terhad Labuan itu dan setiap pindaan yang dibuat kepadanya;

(c) suatu pernyataan mengenai amaun sumbangan yang dipersetujui untuk dibuat oleh pekongsi terhad dan masa bila mana, atau peristiwa yang apabila berlaku, sumbangan itu kena dibuat;

- (d) suatu pernyataan mengenai amaun wang dan jenis dan nilai apa-apa harta lain yang disumbangkan oleh setiap pekongsi terhad dan tarikhnya;
- (e) suatu pernyataan mengenai amaun sumbangan yang dipulangkan kepada pekongsi terhad dan tarikhnya; dan
- (f) apa-apa maklumat lain yang dinyatakan oleh Lembaga.

(6) Dokumen yang disimpan di bawah subseksyen (5) hendaklah—

- (a) menjadi keterangan *prima facie* mengenai butir-butir yang terkandung dalam, atau dikehendaki supaya terkandung dalam dokumen itu;
- (b) dipinda dalam masa tiga puluh hari dari apa-apa perubahan butir-butir itu; dan
- (c) tersedia untuk pemeriksaan dan penyalinan tanpa bayaran dalam waktu biasa perniagaan atas permintaan seseorang pekongsi.

(7) Jika sesuatu perkongsian terhad Labuan tidak mematuhi seksyen ini, perkongsian terhad Labuan itu dan setiap pekongsi am boleh dikenakan suatu penalti pentadbiran yang dinyatakan oleh Lembaga.

Bab 2

Pengurusan dan pentadbiran perkongsian terhad Labuan

Sumbangan pekongsi terhad

10. (1) Apa-apa sumbangan yang dibuat oleh seseorang pekongsi terhad kepada sesuatu perkongsian terhad Labuan boleh dalam bentuk wang dalam apa-apa mata wang, apa-apa harta lain, atau perkhidmatan.

(2) Jika sumbangan pekongsi terhad itu dibuat atau diaku janji untuk dibuat selain dalam bentuk wang tunai—

- (a) hendaklah dengan serta-merta diberikan kepada sumbangan itu atau sebahagian daripada sumbangan itu atau kepada sumbangan yang diniatkan itu atau sebahagian daripada

sumbangan yang diniatkan itu, mengikut perjanjian perkongsian, suatu nilai yang dikenali sebagai nilai statutori; dan

- (b) nilai statutori itu hendaklah, bagi maksud Akta ini, diterima sebagai nilai bagi sumbangan itu atau bagi bahagian sumbangan itu atau, bagi sumbangan yang diniatkan itu atau bagi bahagian sumbangan yang diniatkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Hak dan obligasi pekongsi am

11. (1) Seseorang pekongsi am dalam sesuatu perkongsian terhadap Labuan hendaklah mempunyai segala hak dan kuasa dan hendaklah tertakluk kepada semua sekatan dan liabiliti seorang pekongsi dalam suatu perkongsian tanpa pekongsi terhadap, kecuali, tanpa persetujuan bertulis atau pengesahan oleh semua pekongsi terhadap, seseorang pekongsi am tidak mempunyai kuasa untuk—

- (a) melakukan suatu perbuatan yang menjadikan aktiviti perkongsian terhadap Labuan itu mustahil dijalankan;
- (b) memiliki mana-mana harta perkongsian terhadap Labuan, atau melupuskan apa-apa hak dalam mana-mana harta perkongsian terhadap Labuan, bagi maksud selain maksud perkongsian; atau
- (c) menerima masuk seseorang sebagai pekongsi am atau pekongsi terhadap, melainkan jika hak untuk berbuat demikian diberikan dalam perjanjian perkongsian.

(2) Seseorang pekongsi am hendaklah, melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perjanjian perkongsian atau di bawah Akta ini, menjalankan segala fungsi yang perlu dan berkaitan dengan penjalanan aktiviti perkongsian terhadap Labuan itu, dan hendaklah menunaikan semua obligasi yang dikenakan ke atas pekongsi am itu atau perkongsian terhadap Labuan itu.

(3) Sesuatu harta perkongsian terhadap Labuan yang dipindah hakmilik kepada atau terletak hak pada atau dipegang bagi pihak mana-mana satu atau lebih pekongsi am atau yang dipindah hakmilik kepada atau terletak hak pada nama perkongsian terhadap Labuan hendaklah dipegang atau disifatkan dipegang oleh pekongsi

am, atau, jika lebih daripada seorang, oleh pekongsi-pekongsi am secara bersesama, sebagai suatu aset perkongsian terhad Labuan itu mengikut terma perjanjian perkongsian.

(4) Sesuatu hutang atau obligasi yang ditanggung oleh pekongsi am dalam penjalanan aktiviti sesuatu perkongsian terhad Labuan hendaklah menjadi hutang atau obligasi perkongsian terhad Labuan itu.

(5) Seseorang pekongsi am hendaklah pada bila-bila masa bertindak dengan suci hati demi kepentingan perkongsian terhad Labuan.

Penguatkuasaan penghakiman terhadap harta perkongsian terhad Labuan

12. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), tiada penghakiman boleh dikuatkuasakan terhadap sesuatu harta perkongsian terhad Labuan melainkan jika penghakiman itu telah diberikan terhadap seorang pekongsi am atas sifatnya sebagai seorang pekongsi am perkongsian terhad Labuan itu.

(2) Pemiutang bagi seseorang pekongsi am atau pekongsi terhad, atas sifat pekongsi itu selain sebagai pekongsi am atau pekongsi terhad perkongsian terhad Labuan, tidak boleh membuat tuntutan terhadap harta perkongsian terhad Labuan itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menghalang penguatkuasaan sesuatu perintah mahkamah yang berhubungan dengan harta sesuatu perkongsian terhad Labuan dalam apa-apa hal jika, oleh sebab mana-mana perkara yang disebut dalam perenggan 26(1)(a) atau (b), suatu penghakiman tidak boleh diberikan terhadap pekongsi am atas sifatnya sebagai pekongsi am bagi perkongsian terhad Labuan itu.

Hak pekongsi terhad

13. (1) Seorang pekongsi terhad mempunyai hak yang sama seperti seorang pekongsi am—

(a) semasa waktu perniagaan, untuk memeriksa dan membuat salinan atau mengambil cabutan daripada buku, dokumen dan rekod perkongsian terhad Labuan; dan

(b) untuk diberi, apabila diminta, maklumat yang benar dan lengkap tentang segala perkara yang menyetuh perkongsian terhad Labuan dan untuk diberi penjelasan rasmi tentang hal-ehwal perkongsian bila mana hal keadaan menjadikannya adil dan munasabah untuk berbuat demikian.

(2) Seseorang pekongsi terhad tidak berhak untuk membubarkan sesuatu perkongsian terhad Labuan dengan notis kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam perjanjian perkongsian atau sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 26(3).

(3) Tertakluk kepada mana-mana peruntukan, yang nyata atau tersirat, dalam perjanjian perkongsian yang berlawanan, sesuatu perkongsian terhad Labuan tidak boleh dibubarkan oleh—

(a) dalam hal pekongsi terhad yang merupakan seorang individu, kematian, ketidakupayaan di sisi undang-undang, kebangkrapan, persaraan atau pengunduran dirinya daripada perkongsian terhad Labuan itu; dan

(b) dalam hal pekongsi terhad yang merupakan suatu perbadanan, pembubaran, kebangkrapan atau pengundurannya daripada perkongsian terhad Labuan itu.

Perkongsian keuntungan

14. (1) Seseorang pekongsi terhad mempunyai, tertakluk kepada Akta ini dan perjanjian perkongsian, hak untuk berkongsi keuntungan suatu perkongsian terhad Labuan.

(2) Seseorang pekongsi terhad boleh menerima daripada perkongsian terhad Labuan bahagian keuntungan yang ditentukan untuk pekongsi terhad itu dalam perjanjian perkongsian hanya jika, pada masa dan sebaik selepas pembayaran dibuat, perkongsian terhad Labuan itu adalah solven.

(3) Selama tempoh enam bulan dari tarikh penerimaan oleh pekongsi terhad apa-apa bayaran yang merupakan bahagian keuntungan perkongsian terhad Labuan dalam hal keadaan kehendak subseksyen (2) tidak dipenuhi, bayaran itu hendaklah kena dibayar balik oleh pekongsi terhad itu dengan bunga pada kadar yang ditetapkan setakat yang bahagian keuntungan itu perlu

untuk menunaikan hutang atau obligasi perkongsian terhad Labuan yang ditanggung dalam tempoh yang bahagian keuntungan itu merupakan suatu aset perkongsian terhad Labuan itu.

Urusan oleh pekongsi terhad dengan perkongsian terhad Labuan

15. (1) Seseorang pekongsi terhad boleh meminjamkan wang kepada, meminjam wang daripada dan membuat transaksi dengan, pekongsi am bagi pihak perkongsian terhad Labuan.

(2) Kecuali jika pekongsi terhad juga merupakan seorang pekongsi am, seseorang pekongsi terhad yang mempunyai, berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan di bawah subseksyen (1), tuntutan terhadap aset perkongsian terhad Labuan hendaklah berperingkat sebagai pemiutang kepada perkongsian terhad Labuan berkenaan dengan tuntutan itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, tuntutan di bawah subseksyen (2) tidaklah termasuk suatu tuntutan bagi pemulangan sumbangan modal.

Hak pekongsi terhad sesama mereka

16. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), pekongsi-pekongsi terhad, dalam hubungan sesama mereka, hendaklah berperingkat—

(a) *pari passu* berkenaan dengan pemulangan sumbangan mereka; dan

(b) *pro rata* dengan sumbangan itu berkenaan dengan keuntungan.

(2) Jika terdapat lebih daripada satu pekongsi terhad, perjanjian perkongsian boleh memperuntukkan bahawa satu pekongsi terhad atau lebih hendaklah mempunyai hak yang lebih besar daripada pekongsi terhad yang lain berkenaan dengan—

(a) pemulangan sumbangan;

(b) keuntungan; dan

(c) apa-apa perkara lain.

Pemulangan sumbangan pekongsi terhadap

17. (1) Pekongsi terhadap tidak boleh, pada masa pembubaran atau selainnya, menerima suatu pembayaran daripada modal sesuatu perkongsian terhadap Labuan yang merupakan pemulangan mana-mana bahagian sumbangannya kepada perkongsian terhadap Labuan itu melainkan jika pada masa dan sebaik selepas pembayaran itu dibuat perkongsian terhadap Labuan itu adalah solven.

(2) Selama tempoh enam bulan dari tarikh penerimaan oleh pekongsi terhadap apa-apa pembayaran yang merupakan pemulangan sumbangan atau bahagian sumbangan yang diterima oleh pekongsi terhadap itu dalam hal keadaan kehendak dalam subseksyen (1) tidak dipenuhi, pembayaran itu hendaklah kena dibayar balik oleh pekongsi terhadap itu dengan bunga pada kadar yang ditetapkan setakat yang sumbangan itu atau bahagian sumbangan itu perlu untuk menunaikan hutang atau obligasi perkongsian terhadap Labuan yang ditanggung dalam tempoh yang sumbangan itu merupakan suatu aset perkongsian terhadap Labuan itu.

(3) Walau apa pun peruntukan seksyen ini, seseorang pekongsi terhadap tidak bertanggung untuk membayar balik apa-apa pembayaran yang merupakan pemulangan sumbangannya atau bahagian sumbangannya, kecuali—

- (a) sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2); atau
- (b) dalam hal fraud.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (1) dan (2), pekongsi terhadap boleh menuntut pembayaran yang merupakan pemulangan semua atau sebahagian daripada sumbangannya—

- (a) apabila perkongsian terhadap Labuan itu dibubarkan;
- (b) pada masa yang dinyatakan dalam perjanjian perkongsian bagi pemulangannya; atau
- (c) selepas pekongsi terhadap itu memberikan notis bertulis enam bulan kepada semua pekongsi lain jika tiada masa dinyatakan dalam perjanjian perkongsian itu sama ada bagi pemulangan sumbangan atau bagi pembubaran perkongsian terhadap Labuan itu.

(5) Seseorang pekongsi terhad hanya mempunyai, walau apa pun jenis sumbangannya, hak untuk menuntut dan menerima wang sebagai pemulangan sumbangannya, melainkan jika—

- (a) terdapat pernyataan yang berlawanan dalam perjanjian perkongsian; atau
- (b) semua pekongsi memberikan keizinan untuk memulangkan sumbangan itu dengan cara yang lain.

(6) Dalam seksyen ini, “pembayaran” termasuklah pelepasan apa-apa obligasi yang membentuk sebahagian daripada sumbangan modal, dan apa-apa liabiliti untuk membuat pembayaran balik menurut subseksyen (2) hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Liabiliti pekongsi terhad kepada perkongsian terhad Labuan

18. Seseorang pekongsi terhad hendaklah bertanggung kepada perkongsian terhad Labuan bagi perbezaan, jika ada, antara nilai wang atau harta lain yang disumbangkan oleh pekongsi terhad itu kepada perkongsian terhad Labuan atau nilai statutori dengan nilai wang atau harta lain yang dinyatakan dalam dokumen yang disimpan di bawah subseksyen 9(5) yang akan disumbangkan oleh pekongsi terhad itu kepada perkongsian terhad Labuan.

Liabiliti pekongsi terhad kepada pemiutang

19. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini, pekongsi terhad tidaklah bertanggung bagi hutang dan obligasi perkongsian terhad Labuan.

(2) Seseorang pekongsi terhad tidaklah bertanggung sebagai pekongsi am melainkan jika pekongsi terhad itu mengambil bahagian dalam pengurusan perkongsian terhad Labuan.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), jika pekongsi terhad mengambil bahagian dalam pengurusan perkongsian terhad Labuan dalam urusannya dengan orang yang bukan pekongsi, pekongsi terhad itu hendaklah bertanggung, jika berlaku ketidaksolvenan perkongsian terhad Labuan itu, bagi semua hutang dan obligasi

perkongsian terhadap Labuan yang ditanggung semasa tempoh pekongsi terhadap itu mengambil bahagian dalam pengurusan perkongsian terhadap Labuan itu seolah-olah pekongsi terhadap itu bagi tempoh itu ialah seorang pekongsi am.

(4) Seseorang pekongsi terhadap adalah bertanggung di bawah subseksyen (3) hanya kepada seseorang yang membuat transaksi dengan perkongsian terhadap Labuan itu dengan sebenarnya mengetahui tentang penglibatan pekongsi terhadap itu dalam pengurusan perkongsian terhadap Labuan itu dan yang kemudiannya semunasabahnya mempercayai bahawa pekongsi terhadap itu ialah pekongsi am.

(5) Seseorang pekongsi terhadap tidak boleh disifatkan sebagai mengambil bahagian dalam pengurusan sesuatu perkongsian terhadap Labuan mengikut pengertian seksyen ini dengan membuat satu atau lebih daripada perkara yang berikut:

- (a) menjadi seorang kontraktor bagi atau ejen atau pekerja perkongsian terhadap Labuan atau pekongsi amnya atau bertindak sebagai pengarah, pegawai atau pemegang syer bagi pekongsi am perbadanan;
- (b) berunding dengan dan menasihati seseorang pekongsi am berkenaan dengan aktiviti perkongsian terhadap Labuan;
- (c) menyiasat, mengkaji semula, meluluskan atau dimaklumkan tentang akaun atau hal-ehwal perkongsian terhadap Labuan atau menjalankan apa-apa hak yang diberikan oleh Akta ini;
- (d) bertindak sebagai penjamin atau penggerenti bagi perkongsian terhadap Labuan sama ada secara am atau berkenaan dengan obligasi tertentu;
- (e) meluluskan atau tidak meluluskan sesuatu pindaan kepada perjanjian perkongsian;
- (f) mengundi, atau selainnya menunjukkan kelulusan atau ketidaklulusan bagi, satu atau lebih daripada yang berikut:
 - (i) pembubaran dan penggulungan perkongsian terhadap Labuan;

- (ii) pembelian, penjualan, pertukaran, pemajakan, penyandaran, hipotekasi, atau pewujudan kepentingan sekuriti, atau apa-apa urusan lain mengenai mana-mana aset oleh atau bagi perkongsian terhadap Labuan;
 - (iii) pewujudan atau pembaharuan sesuatu obligasi oleh perkongsian terhadap Labuan;
 - (iv) perubahan dalam jenis aktiviti perkongsian terhadap Labuan;
 - (v) penerimaan masuk, pemecatan atau pengunduran diri pekongsi am atau terhadap dan penerusan perkongsian terhadap Labuan selepas itu; dan
 - (vi) transaksi yang dalamnya seorang pekongsi am atau lebih mempunyai percanggahan kepentingan yang sebenar atau yang berpotensi dengan seorang pekongsi terhadap atau lebih; dan
- (g) membawa sesuatu tindakan bagi pihak perkongsian terhadap Labuan menurut subseksyen 22(3).

(6) Subseksyen (5) tidak boleh ditafsirkan sebagai tersirat bahawa pemilikan atau penjalanan apa-apa kuasa lain oleh seseorang pekongsi terhadap semestinya akan merupakan penglibatan oleh pekongsi terhadap itu dalam pengurusan perkongsian terhadap Labuan.

Penerimaan masuk pekongsi terhadap dan pekongsi am tambahan

20. Seseorang pekongsi terhadap atau pekongsi am tambahan tidak boleh diterima masuk ke dalam sesuatu perkongsian terhadap Labuan kecuali—

- (a) mengikut perjanjian perkongsian atau dengan persetujuan semua pekongsi sedia ada; dan
- (b) dengan catatan dalam daftar di bawah subseksyen 9(5).

Penyerahhakan

21. (1) Seseorang pekongsi terhadap tidak boleh menyerahhakan kepentingannya, keseluruhannya atau sebahagiannya, dalam perkongasian terhadap Labuan melainkan jika—

- (a) kesemua pekongsi terhadap dan kesemua pekongsi am menyetujui atau perjanjian perkongasian membenarkannya; dan
- (b) penyerahhakan itu dibuat mengikut terma persetujuan atau perjanjian perkongasian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Pemegang serah hak kepentingan, keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi seseorang pekongsi terhadap tidak boleh menjadi pekongsi terhadap dalam perkongasian terhadap Labuan sehingga pemunyaan kepentingan serah haknya itu dicatatkan dalam daftar di bawah subseksyen 9(5), dan sehingga dicatatkan sedemikian pemegang serah hak itu tidak mempunyai apa-apa hak pekongsi terhadap yang boleh dijalankan terhadap perkongasian itu atau terhadap mana-mana pekongsi selain penyerah hak.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), apabila menjadi seorang pekongsi terhadap, seseorang pemegang serah hak hendaklah memperoleh hak dan kuasa dan tertakluk kepada semua sekatan dan liabiliti yang dimiliki oleh penyerah haknya berkenaan dengan kepentingan yang diserahkan itu sebaik sebelum penyerahhakan itu.

(4) Apabila menjadi seorang pekongsi terhadap seseorang pemegang serah hak tidak boleh mengambil alih apa-apa liabiliti penyerah hak yang berbangkit di bawah subseksyen 14(3), 17(2) atau 19(3) dan, walau apa pun apa-apa terma dalam perjanjian perkongasian atau apa-apa perjanjian lain yang berlawanan, penyerahhakan sedemikian tidak akan melepaskan penyerah hak itu daripada apa-apa liabiliti di bawah subseksyen itu.

(5) Sesuatu penyerahhakan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah didaftarkan dengan Lembaga oleh perkongasian terhadap Labuan.

(6) Apabila sesuatu penyerahhakan didaftarkan di bawah subseksyen (5) dan apabila fi yang ditetapkan dibayar, Lembaga boleh mengeluarkan suatu perakuan bagi maksud itu.

(7) Seseorang pekongsi terhad yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Prosiding undang-undang dan penyampaian dokumen

22. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini, prosiding undang-undang oleh atau terhadap sesuatu perkongsian terhad Labuan hanya boleh dimulakan oleh atau terhadap mana-mana satu pekongsi am atau lebih dan tiada pekongsi terhad boleh menjadi pihak kepada atau dinamakan dalam prosiding itu.

(2) Seseorang pekongsi am atau, dengan kebenaran mahkamah, mana-mana orang lain hendaklah mempunyai hak untuk menyertai atau selainnya memulakan prosiding terhadap satu pekongsi terhad atau lebih yang mungkin bertanggung kepada perkongsian terhad Labuan menurut subseksyen 14(3), subseksyen 17(2), seksyen 18 atau subseksyen 19(3).

(3) Seseorang pekongsi terhad boleh membawa suatu tindakan bagi pihak perkongsian terhad Labuan jika mana-mana satu pekongsi am atau lebih yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian telah, tanpa alasan yang munasabah, enggan memulakan prosiding itu.

(4) Bagi maksud Akta ini, penyampaian dokumen ke atas pekongsi am berkenaan dengan sesuatu perkongsian terhad Labuan boleh dilakukan dengan meninggalkannya di, atau menghantarkannya melalui pos kepada, pejabat berdaftar perkongsian terhad Labuan itu.

(5) Jika sesuatu dokumen atau notis telah disampaikan mengikut subseksyen (4), dokumen atau notis itu disifatkan telah disampaikan dengan sewajarnya ke atas perkongsian terhad Labuan itu.

Kuasa pekongsi am untuk menandatangani

23. Jika pekongsi am menyempurnakan sesuatu dokumen bagi pihak perkongsian terhadap Labuan, maka hendaklah dianggap dengan memihak kepada mana-mana orang yang bukan seorang pekongsi bahawa—

- (a) pekongsi am itu mempunyai kuasa yang di bawahnya dia berupa sebagai bertindak; dan
- (b) dokumen yang disempurnakan itu telah disempurnakan dengan sah.

Bab 3

Pembubaran perkongsian terhadap Labuan

Notis pembubaran

24. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 26 dan 27, sesuatu perkongsian terhadap Labuan tidak boleh dibubarkan oleh sesuatu perbuatan pekongsi sehingga notis pembubaran yang ditandatangani oleh pekongsi am telah difailkan oleh pekongsi am itu dengan Lembaga.

(2) Apabila sesuatu notis pembubaran difailkan dengan Lembaga, Lembaga boleh membatalkan pendaftaran perkongsian terhadap Labuan itu.

(3) Jika perkongsian terhadap Labuan itu dibubarkan dengan melanggar subseksyen (1), setiap pekongsi am melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Pembubaran perkongsian terhadap Labuan

25. (1) Jika berlaku pembubaran sesuatu perkongsian terhadap Labuan, hal-ehwalnya hendaklah digulung oleh pekongsi am melainkan jika aktiviti perkongsian terhadap Labuan itu telah diambil alih dan diteruskan mengikut subseksyen 26(2) atau melainkan jika mahkamah mengarahkan selainnya di bawah subseksyen 27(2).

(2) Jika hal-ehwal perkongsian terhad Labuan tidak digulung oleh pekongsi am selepas pembubarannya, setiap pekongsi am itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Pembubaran perkongsian terhad Labuan kerana kematian pekongsi am

26. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan, secara nyata atau tersirat, dalam perjanjian perkongsian yang berlawanan, tetapi tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3)—

- (a) jika pekongsi am tunggal atau terakhir ialah seorang individu, kematiannya, ketidakupayaannya di sisi undang-undang, kebangkrapannya, persaraannya atau pengunduran dirinya daripada perkongsian terhad Labuan; dan
- (b) jika pekongsi am tunggal atau terakhir ialah suatu perbadanan, penggulungannya atau pembubarannya dalam bentuk lain, kebangkrapannya atau pengundurannya daripada perkongsian terhad Labuan,

hendaklah menyebabkan pembubaran serta-merta perkongsian terhad Labuan itu yang hendaklah dengan serta-merta digulung—

- (A) mengikut perjanjian perkongsian; atau
- (B) mengikut arahan mahkamah atas permohonan pekongsi terhad atau pemiutang perkongsian terhad Labuan itu.

(2) Sesuatu perkongsian terhad Labuan tidak boleh dikehendaki supaya digulungkan di bawah subseksyen (1) jika, dalam masa enam puluh hari dari pembubaran itu, pekongsi-pekongsi terhad, sama ada sebulat suara atau sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam perjanjian perkongsian, memilih seorang pekongsi am atau lebih, yang dalam hal itu perkongsian terhad Labuan itu hendaklah disifatkan belum dibubarkan dan aktiviti perkongsian terhad Labuan itu boleh diambil alih dan diteruskan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perjanjian perkongsian atau perjanjian perkongsian yang berikutnya.

(3) Jika sesuatu perkongsian terhad Labuan dibubarkan di bawah subseksyen (1), dan aktiviti perkongsian terhad Labuan itu tidak diambil alih dan diteruskan mengikut subseksyen (2), suatu notis pembubaran yang ditandatangani oleh pekongsi terhad

hendaklah difailkan dalam masa tiga puluh hari oleh pekongsi terhad itu dengan Lembaga yang boleh selepas itu membatalkan pendaftaran perkongsian terhad Labuan itu.

(4) Jika notis yang dikehendaki supaya difailkan di bawah subseksyen (3) tidak difailkan sedemikian, setiap pekongsi terhad boleh dikenakan suatu penalti pentadbiran yang dinyatakan oleh Lembaga.

Kuasa mahkamah untuk memerintahkan pembubaran

27. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang pekongsi, memerintahkan pembubaran perkongsian terhad Labuan jika mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) perkongsian terhad Labuan itu dijalankan dengan cara yang berlawanan dengan terma perjanjian perkongsian bagi perkongsian terhad Labuan itu;
- (b) perkongsian terhad Labuan itu dijalankan dengan cara yang menindas seorang pekongsi terhad atau lebih; atau
- (c) telah timbul hal keadaan yang menjadikannya adil dan saksama bagi perkongsian terhad Labuan itu dibubarkan.

(2) Jika suatu perintah dibuat di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan yang difikirkannya patut berkenaan dengan penggulangan perkongsian terhad Labuan itu.

(3) Jika sesuatu perkongsian terhad Labuan telah dibubarkan di bawah seksyen ini, pekongsi yang membuat permohonan itu hendaklah menyebabkan perintah mahkamah itu disampaikan kepada Lembaga dalam masa tiga puluh hari selepas perintah itu dibuat dan Lembaga boleh selepas itu membatalkan pendaftaran perkongsian terhad Labuan itu.

(4) Jika perintah mahkamah tidak disampaikan kepada Lembaga sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (3), pekongsi yang disebut dalam subseksyen itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Penyelesaian akaun apabila dibubarkan

28. Jika akaun telah diselesaikan selepas pembubaran sesuatu perkongsian terhad Labuan, liabiliti perkongsian itu terhadap pemiutang hendaklah dibayar dahulu, dan kemudiannya liabiliti cukai yang kena dibayar kepada Kerajaan, dan kemudiannya, tertakluk kepada perjanjian perkongsian atau perjanjian yang berikutnya, liabiliti lain perkongsian itu hendaklah dibayar mengikut susunan yang berikut:

- (a) kepada pekongsi am selain untuk modal dan keuntungan;
- (b) kepada pekongsi terhad berkenaan dengan modal sumbangan mereka;
- (c) kepada pekongsi terhad berkenaan dengan bahagian keuntungan mereka;
- (d) kepada pekongsi am berkenaan dengan sumbangan mereka; dan
- (e) kepada pekongsi am berkenaan dengan bahagian keuntungan mereka.

BAHAGIAN IV**PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD LABUAN****Bab 1***Penubuhan perkongsian liabiliti terhad Labuan***Perkongsian liabiliti terhad Labuan**

29. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, mana-mana dua orang atau lebih boleh menubuhkan suatu perkongsian liabiliti terhad Labuan bagi apa-apa maksud yang sah.

(2) Seseorang individu atau sesuatu perbadanan boleh menjadi pekongsi dalam sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan.

Pendaftaran perkongsian liabiliti terhad Labuan

30. (1) Sesuatu permohonan bagi pendaftaran perkongsian liabiliti terhad Labuan hendaklah dibuat kepada Lembaga oleh mana-mana orang yang, apabila didaftarkan, akan menjadi pekongsi ditetapkan, dan disertai dengan fi yang ditetapkan dan apa-apa dokumen yang dinyatakan oleh Lembaga.

(2) Permohonan itu hendaklah menyatakan—

- (a) nama yang dengannya perkongsian liabiliti terhad Labuan itu akan dijalankan;
- (b) alamat yang dicadangkan bagi pejabat berdaftar perkongsian liabiliti terhad Labuan itu;
- (c) nama penuh dan alamat setiap orang yang akan menjadi pekongsi dalam perkongsian liabiliti terhad Labuan itu dan, jika mana-mana daripada orang itu merupakan suatu perbadanan, tempat di mana perbadanan itu diperbadankan dan pejabat berdaftar atau pejabat utamanya;
- (d) nama penuh dan alamat setiap orang yang akan menjadi pekongsi ditetapkan dan, jika orang itu merupakan suatu perbadanan, tempat di mana perbadanan itu diperbadankan dan pejabat berdaftar atau pejabat utamanya;
- (e) jenis perniagaan yang hendak diusahakan; dan
- (f) apa-apa maklumat lain yang dinyatakan oleh Lembaga.

(3) Apabila sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan didaftarkan, Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran yang hendaklah ditandatangani oleh Lembaga atau mana-mana pegawai diberi kuasanya dan dimeterai dengan meterai Lembaga.

(4) Sesuatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3) hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa perkongsian liabiliti terhad Labuan itu telah didaftarkan dengan Lembaga.

(5) Lembaga boleh mengenakan atau melampirkan apa-apa syarat, sekatan atau terma yang difikirkannya patut bagi pendaftaran di bawah seksyen ini.

(6) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menghendaki Lembaga untuk mendaftarkan sesuatu perkongsian liabiliti terhad jika Lembaga tidak berpuas hati dengan butir-butir atau maklumat lain yang diberikan di bawah Akta ini.

(7) Lembaga hendaklah menyenggarakan suatu daftar perkongsian liabiliti terhad Labuan yang didaftarkan di bawah Akta ini.

Pendaftaran perubahan butir-butir

31. (1) Jika apa-apa perubahan dibuat atau berlaku dalam mana-mana butir yang didaftarkan berkenaan dengan sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan yang didaftarkan di bawah seksyen 30, perkongsian liabiliti terhad Labuan itu hendaklah dalam masa tiga puluh hari selepas perubahan itu, atau apa-apa tempoh selanjutnya yang dibenarkan oleh Lembaga atas permohonan, memfailkan dengan Lembaga suatu notis yang ditandatangani oleh pekongsi ditetapkan, yang menyatakan jenis perubahan itu.

(2) Lembaga hendaklah mendaftarkan notis yang disebut dalam subseksyen (1), dan apabila fi yang ditetapkan dibayar, Lembaga boleh mengeluarkan suatu perakuan yang memperakui pendaftaran perubahan butir-butir itu.

(3) Perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2) hendaklah ditandatangani oleh Lembaga atau mana-mana pegawai diberi kuasanya dan dimeterai dengan meterai Lembaga, dan perakuan itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* dalam semua mahkamah tentang perubahan itu.

(4) Seseorang yang berhenti menjadi pekongsi atau pekongsi ditetapkan bagi sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan boleh memfailkan dengan Lembaga notis yang disebut dalam subseksyen (1) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa perkongsian liabiliti terhad itu tidak akan memfailkan notis itu dengan Lembaga.

(5) Lembaga boleh, dalam mana-mana hal tertentu, menghendaki supaya suatu notis yang difailkan di bawah subseksyen (1) dibetulkan oleh perkongsian liabiliti terhad Labuan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(6) Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan tidak mematuhi subseksyen (1), perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu boleh dikenakan suatu penalti pentadbiran yang dinyatakan oleh Lembaga.

Nama perkongsian liabiliti terhadap Labuan

32. (1) Nama sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan hendaklah berakhir dengan perkataan penuh “Labuan Limited Liability Partnership” atau singkatan “(Labuan) L.L.P.” atau “(Labuan) LLP” atau apa-apa bentuk singkatan lain dalam huruf rumi atau perkataan dalam bahasa ibunda sesuatu negara yang memberikan konotasi perkongsian liabiliti terhadap atau apa-apa singkatan daripadanya yang diluluskan oleh Lembaga.

(2) Nama sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan boleh dalam huruf, abjad atau bahasa asing dengan syarat bahawa suatu terjemahan yang tepat dan diperakui bagi nama itu dalam bahasa Inggeris digunakan dan dinyatakan dengan jelas dalam tiap-tiap komunikasi bertulis yang dihantar oleh, atau bagi pihak, perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu dan tiap-tiap dokumen yang dikeluarkan atau ditandatangani oleh, atau bagi pihak, perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu.

(3) Sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan tidak boleh didaftarkan jika nama perkongsian liabiliti terhadap Labuan yang hendak didaftarkan itu adalah pada pendapat Lembaga dalam apa-apa cara mengelirukan atau selainnya tidak wajar.

Pertukaran nama perkongsian liabiliti terhadap Labuan

33. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan boleh menukarkan namanya.

(2) Jika perkongsian liabiliti terhadap Labuan menukarkan namanya, perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu hendaklah menyerahkan suatu notis tentang pertukaran itu kepada Lembaga mengikut peruntukan subseksyen 31(1).

(3) Jika Lembaga meluluskan pertukaran nama itu, Lembaga hendaklah, apabila fi yang ditetapkan dibayar, mengeluarkan suatu

perakuan pendaftaran bagi perkongsian liabiliti terhad Labuan itu di bawah nama baru itu dan pertukaran nama baru itu akan mula berkuat kuasa apabila perakuan pendaftaran itu dikeluarkan.

(4) Jika nama perkongsian liabiliti terhad Labuan, sama ada dengan tidak sengaja atau selainnya dan sama ada pada asalnya atau melalui pertukaran nama, ialah suatu nama yang dengannya perkongsian liabiliti terhad Labuan itu tidak boleh didaftarkan tanpa melanggar seksyen 32, perkongsian liabiliti terhad Labuan itu hendaklah menukarkan namanya kepada suatu nama yang hendaklah diluluskan oleh Lembaga dan jika Lembaga mengarahkan sedemikian, hendaklah menukar nama itu dalam masa tiga puluh hari selepas tarikh arahan itu atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh Lembaga.

(5) Jika perkongsian liabiliti terhad Labuan tidak mematuhi arahan yang diberikan oleh Lembaga di bawah subseksyen (4), perkongsian liabiliti terhad Labuan itu boleh dikenakan suatu penalti pentadbiran yang dinyatakan oleh Lembaga.

(6) Sesuatu pertukaran nama menurut Akta ini tidak akan menjejaskan identiti perkongsian liabiliti terhad Labuan atau apa-apa hak atau obligasi perkongsian liabiliti terhad Labuan itu, atau mencatatkan apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap perkongsian liabiliti terhad Labuan itu.

(7) Apa-apa prosiding undang-undang yang mungkin diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap perkongsian liabiliti terhad Labuan dengan nama terdahulunya boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap perkongsian liabiliti terhad Labuan itu dengan nama barunya.

Bab 2

Penukaran kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan

Penukaran daripada perkongsian terhad Labuan kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan

34. (1) Sesuatu perkongsian terhad Labuan boleh bertukar kepada suatu perkongsian liabiliti terhad Labuan jika dan hanya jika perkongsian terhad Labuan yang kepadanya perkongsian terhad itu akan ditukarkan, terdiri daripada semua perkongsian terhad Labuan itu dan tiada orang lain.

(2) Dalam bab ini, “bertukar”, berhubung dengan sesuatu perkongsian terhad Labuan yang bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan, ertinya suatu pemindahan hakmilik harta, kepentingan, hak, keistimewaan, liabiliti, obligasi dan perusahaan perkongsian terhad Labuan itu kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan.

Penukaran daripada syarikat Labuan kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan

35. (1) Sesuatu syarikat Labuan boleh bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan jika dan hanya jika—

- (a) tiada kepentingan sekuriti dalam asetnya yang wujud atau berkuat kuasa pada masa permohonan itu; dan
- (b) pekongsi perkongsian liabiliti terhad Labuan itu yang kepadanya syarikat Labuan itu akan ditukarkan terdiri daripada semua pemegang syer syarikat Labuan itu dan tiada orang lain.

(2) Dalam bab ini, “bertukar”, berhubung dengan syarikat Labuan yang bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan, ertinya suatu pemindahan hakmilik harta, kepentingan, hak, keistimewaan, liabiliti, obligasi dan perusahaan syarikat Labuan itu kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan.

Penyata hendaklah difailkan

36. (1) Sesuatu perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan boleh memohon untuk bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan dengan memfailkan dengan Lembaga—

- (a) suatu penyata oleh kesemua pekongsi perkongsian terhad Labuan atau pemegang syer syarikat Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam apa-apa perantara dan bentuk yang ditentukan oleh Lembaga yang mengandungi butir-butir yang berikut:
 - (i) nama dan nombor pendaftaran perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan itu; dan

(ii) tarikh bila mana perkongsian terhadap Labuan itu didaftarkan di bawah Bahagian III Akta ini atau Akta Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan 1997 [Akta 565], atau tarikh bila mana syarikat Labuan itu diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990; dan

(b) semua maklumat yang dikehendaki di bawah subseksyen 30(2).

(2) Lembaga boleh, dalam mana-mana hal tertentu, menghendaki penyata yang disebut dalam perenggan (1)(a) ditentusahkan mengikut cara yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Pendaftaran penukaran

37. (1) Apabila diterima penyata daripada perkongsian terhadap Labuan atau syarikat Labuan di bawah seksyen 36, Lembaga boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta ini, mendaftarkan penyata itu dan mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Lembaga yang menyatakan bahawa perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu adalah, pada dan dari tarikh yang dinyatakan dalam perakuan itu, didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menghendaki Lembaga untuk mendaftarkan sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan jika Lembaga tidak berpuas hati dengan butir-butir atau maklumat lain yang diberikan di bawah peruntukan Akta ini.

Kesan pendaftaran

38. (1) Pada dan dari tarikh pendaftaran yang dinyatakan dalam perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subseksyen 37(1) (yang disebut dalam seksyen ini sebagai “tarikh pendaftaran”)—

(a) hendaklah ada suatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan dengan nama yang dinyatakan dalam perakuan pendaftaran yang didaftarkan di bawah Akta ini, dengan semua sifat yang diperihalkan dalam Bahagian IV Akta ini dan tertakluk kepada peruntukan Akta ini;

- (b) semua harta alih dan harta tak alih yang terletak hak pada perkongsian terhadap Labuan atau syarikat Labuan, semua kepentingan, hak, keistimewaan, liabiliti dan obligasi yang berhubungan dengan perkongsian terhadap Labuan atau syarikat Labuan itu, dan keseluruhan perusahaan perkongsian terhadap Labuan atau syarikat Labuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dipindah hakmilik dan terletak hak pada perkongsian liabiliti terhadap Labuan tanpa jaminan, tindakan atau surat ikatan lanjut;
- (c) perkongsian terhadap Labuan atau syarikat Labuan itu hendaklah disifatkan sebagai dibubarkan; dan
- (d) perkongsian terhadap Labuan atau syarikat Labuan itu hendaklah dikeluarkan daripada daftar perkongsian terhadap Labuan yang disenggarakan oleh Lembaga atau daftar syarikat yang disenggarakan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990, masing-masing.

(2) Jika mana-mana harta yang baginya perenggan (1)(b) terpakai didaftarkan dengan sesuatu pihak berkuasa, perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas tarikh pendaftaran, mengambil semua langkah perlu sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk memberitahu pihak berkuasa yang berkenaan itu mengenai penukaran dan butir-butir perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu dalam apa-apa perantara dan bentuk yang ditentukan oleh Lembaga.

Prosiding yang belum selesai

39. Semua prosiding oleh atau terhadap perkongsian terhadap Labuan atau syarikat Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang masih belum selesai pada tarikh pendaftaran boleh diteruskan, diselesaikan dan dikuatkuasakan oleh atau terhadap perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu.

Penerusan sabitan, arahan, perintah atau penghakiman

40. Apa-apa sabitan, arahan, perintah atau penghakiman yang memihak kepada atau terhadap perkongsian terhadap Labuan atau syarikat Labuan boleh dikuatkuasakan oleh atau terhadap perkongsian liabiliti terhadap Labuan.

Perjanjian sedia ada

41. Tiap-tiap perjanjian yang baginya perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan ialah suatu pihak sebaik sebelum tarikh pendaftaran, sama ada atau tidak bersifat sedemikian rupa sehingga hak dan liabiliti di bawah perjanjian itu boleh diserahkan, hendaklah berkuat kuasa dari hari itu seolah-olah—

- (a) perkongsian liabiliti terhad Labuan itu ialah suatu pihak kepada perjanjian itu dan bukannya perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan itu; dan
- (b) apa-apa sebutan mengenai perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah digantikan dengan sebutan mengenai perkongsian liabiliti terhad Labuan berkenaan dengan apa-apa perkara yang hendak dilakukan pada atau selepas tarikh pendaftaran.

Kontrak sedia ada, dsb.

42. Semua surat ikatan, kontrak, skim, bon, perjanjian, permohonan, surat cara dan perkiraan yang wujud sebaik sebelum tarikh pendaftaran yang berhubungan dengan perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan, atau yang kepadanya perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan itu ialah suatu pihak, hendaklah terus berkuat kuasa pada dan selepas tarikh itu seolah-olah ia berhubungan dengan perkongsian liabiliti terhad Labuan dan boleh dikuatkuasakan oleh atau terhadap perkongsian liabiliti terhad Labuan itu seolah-olah perkongsian liabiliti terhad Labuan itu dinamakan dalamnya atau menjadi suatu pihak kepadanya dan bukannya perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan itu.

Penerusan pekerjaan

43. Tiap-tiap kontrak pekerjaan yang baginya seksyen 41 atau 42 terpakai hendaklah terus berkuat kuasa pada atau selepas tarikh pendaftaran seolah-olah perkongsian liabiliti terhad Labuan merupakan majikan di bawah kontrak pekerjaan itu dan bukannya perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pelantikan, autoriti atau kuasa sedia ada

44. (1) Tiap-tiap pelantikan perkongsian terhadap Labuan atau syarikat Labuan itu dalam apa-apa peranan atau sifat yang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh pendaftaran hendaklah berkuat kuasa dan beroperasi dari tarikh itu seolah-olah perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu yang telah dilantik.

(2) Apa-apa autoriti atau kuasa yang diberikan kepada perkongsian terhadap Labuan atau syarikat Labuan itu yang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh pendaftaran hendaklah berkuat kuasa dan beroperasi dari tarikh itu seolah-olah autoriti atau kuasa itu diberikan kepada perkongsian liabiliti terhadap Labuan.

Pemakaian seksyen 38 hingga 44

45. Seksyen 38 hingga 44 tidak terpakai bagi apa-apa kelulusan, permit atau lesen yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis kepada perkongsian terhadap Labuan atau syarikat Labuan yang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh pendaftaran perkongsian liabiliti terhadap Labuan.

Liabiliti dan obligasi pekongsi sebelum penukaran

46. (1) Walau apa pun seksyen 38 hingga 44, tiap-tiap pekongsi perkongsian terhadap Labuan yang telah bertukar kepada suatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan hendaklah terus menerus bertanggung sendiri (bersesama dan berasingan dengan perkongsian liabiliti terhadap Labuan) bagi liabiliti dan obligasi perkongsian terhadap Labuan yang dilakukan sebelum penukaran itu atau yang berbangkit daripada mana-mana kontrak yang dibuat sebelum penukaran itu.

(2) Jika mana-mana pekongsi menunaikan apa-apa liabiliti atau obligasi yang disebut dalam subseksyen (1), pekongsi itu adalah berhak, tertakluk kepada apa-apa perjanjian dengan perkongsian liabiliti terhadap Labuan yang berlawanan, untuk ditanggung rugi sepenuhnya oleh perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu berkenaan dengan liabiliti atau obligasi itu.

Notis penukaran dalam invois dan surat-menyurat

47. (1) Perkongsian liabiliti terhad Labuan hendaklah memastikan bahawa bagi tempoh dua belas bulan yang bermula empat belas hari selepas tarikh pendaftaran, tiap-tiap invois atau surat-menyurat rasmi perkongsian liabiliti terhad Labuan itu terdapat padanya yang berikut:

- (a) suatu pernyataan bahawa perkongsian liabiliti terhad Labuan itu, dari tarikh pendaftaran, ditukarkan daripada perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan; dan
- (b) nama dan nombor pendaftaran, jika terpakai, bagi perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan yang daripadanya perkongsian liabiliti terhad Labuan itu ditukarkan.

(2) Mana-mana perkongsian liabiliti terhad Labuan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripadanya kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Bab 3*Perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf***Pendaftaran perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf**

48. (1) Sesuatu perkongsian liabiliti terhad asing tidak boleh mempunyai tempat perniagaan di Labuan atau menjalankan perniagaan di Labuan melainkan jika perkongsian liabiliti terhad asing itu didaftarkan sebagai suatu perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf di bawah Akta ini.

(2) Tiap-tiap perkongsian liabiliti terhad asing hendaklah, sebelum menubuhkan tempat perniagaan, atau menjalankan perniagaan, di Labuan, memfailkan dengan Lembaga bagi pendaftaran—

- (a) suatu salinan terperaku perakuan bagi pemerbadanannya atau pendaftarannya di tempat perkongsian liabiliti terhad asing itu diperbadankan atau tempat asalnya, atau suatu dokumen yang membawa kesan yang serupa;

- (b) suatu salinan terperaku perjanjian perkongsiannya, jika ada;
- (c) suatu senarai pekongsinya yang mengandungi nama penuh dan alamat setiap pekongsi dan, jika mana-mana daripada orang ini merupakan suatu perbadanan, tempat di mana perbadanan itu diperbadankan dan pejabat berdaftarnya atau pejabat utamanya;
- (d) nama penuh dan alamat pekongsi ditetapkan atau mana-mana orang lain dengan apa jua nama yang dipanggil yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan dan obligasi seorang pekongsi ditetapkan di bawah Akta ini dan, jika orang ini ialah suatu perbadanan, tempat di mana perbadanan itu diperbadankan dan pejabat berdaftarnya atau pejabat utamanya;
- (e) suatu memorandum pelantikan atau surat kuasa wakil di bawah meterai perkongsian liabiliti terhadap asing atau disempurnakan bagi pihaknya mengikut apa-apa cara supaya mengikat perkongsian liabiliti terhadap asing itu dan, dalam mana-mana hal, ditentukan mengikut cara yang ditetapkan, yang menyatakan nama syarikat amanah Labuan yang diberi kuasa untuk menerima bagi pihaknya penyampaian proses dan apa-apa notis yang dikehendaki untuk disampaikan ke atas perkongsian liabiliti terhadap asing itu; dan
- (f) suatu akuan berkanun dalam bentuk yang ditetapkan yang dibuat oleh seorang pegawai syarikat amanah Labuan,

dan Lembaga boleh, apabila fi yang ditetapkan dibayar, dan tertakluk kepada Akta ini dan apa-apa syarat yang dikenakan, mendaftarkan perkongsian liabiliti terhadap asing itu di bawah Bahagian ini sebagai suatu perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf.

(3) Apabila perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf didaftarkan, Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran yang hendaklah ditandatangani oleh Lembaga atau mana-mana pegawai diberi kuasanya dan dimeterai dengan meterai Lembaga.

(4) Suatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3) hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu telah didaftarkan dengan Lembaga.

(5) Jika memorandum pelantikan atau surat kuasa wakil yang difailkan dengan Lembaga di bawah perenggan (2)(e) telah disempurnakan oleh seseorang bagi pihak perkongsian liabiliti terhad asing, suatu salinan surat ikatan atau dokumen yang melaluinya orang itu diberi kuasa untuk menyempurnakan memorandum pelantikan atau surat kuasa wakil itu, yang ditentusahkan dengan akuan berkanun mengikut cara yang ditetapkan, hendaklah difailkan dengan Lembaga dan salinan itu hendaklah bagi segala maksud dianggap sebagai yang asal.

Nama perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf

49. (1) Sesuatu perkongsian liabiliti terhad asing tidak boleh didaftarkan di bawah Bahagian ini jika nama perkongsian liabiliti terhad asing itu adalah pada pendapat Lembaga dalam apa-apa jua cara mengelirukan atau selainnya tidak wajar.

(2) Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf telah didaftarkan, sama ada kerana kesilapan atau selainnya, dengan nama yang dengannya perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu tidak sepatutnya didaftarkan, Lembaga boleh, selepas memberikan notis tiga puluh hari kepada perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu yang menghendaknya menukarkan namanya, memotong nama itu daripada daftar apabila ia ingkar mematuhi kehendak itu.

(3) Tiada perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf boleh menggunakan, di Labuan atau tempat-tempat lain, berkenaan dengan perbuatan yang dilakukan atau hendak dilakukan di Labuan, apa-apa nama selain yang di bawahnya ia didaftarkan di bawah Bahagian ini.

Pejabat berdaftar perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf

50. (1) Tiap-tiap perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf hendaklah pada bila-bila masa mempunyai suatu pejabat berdaftar di Labuan, yang hendaklah merupakan pejabat utama bagi suatu syarikat amanah Labuan.

(2) Notis mengenai lokasi pejabat berdaftar dan apa-apa perubahan mengenainya hendaklah difailkan dengan Lembaga dalam masa

sebulan selepas tarikh pendaftaran perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu atau tarikh perubahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Jika terdapat keingkaran dalam mematuhi seksyen ini perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu dan tiap-tiap perkongsi ditetapkan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Penyata hendaklah difailkan jika butir-butir, dsb., diubah

51. (1) Jika apa-apa perubahan dibuat atau berlaku dalam apa-apa butir berkenaan dengan sesuatu perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf yang didaftarkan di bawah seksyen 48, perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu hendaklah dalam masa tiga puluh hari selepas perubahan itu, atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Lembaga atas permohonan, memfailkan dengan Lembaga suatu notis yang menyatakan jenis perubahan itu.

(2) Apabila diterima butir-butir perubahan di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, mendaftarkan perubahan itu dan boleh, jika difikirkan patut oleh Lembaga, mengeluarkan suatu perakuan di bawah tandatangan dan meterainya, dan perakuan itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* dalam semua Mahkamah tentang perubahan butir-butir perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu.

(3) Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf tidak mematuhi subseksyen (1), perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu boleh dikenakan suatu penalti pentadbiran yang dinyatakan oleh Lembaga.

Penyampaian ke atas perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf

52. (1) Apa-apa proses atau notis yang dikehendaki supaya disampaikan ke atas perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf hendaklah disampaikan dengan secukupnya jika dialamatkan kepada perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu dan ditinggalkan pada atau dihantar melalui pos kepada pejabat berdaftarnya di Labuan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1)—

- (a) jika sesuatu perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf ingkar memfailkan dengan Lembaga nama dan alamat pejabat berdaftar yang diberi kuasa untuk menerima bagi pihaknya penyampaian proses atau notis itu;
- (b) jika pada bila-bila masa pejabat berdaftar yang telah diberitahu sedemikian tidak lagi wujud; atau
- (c) jika atas apa-apa sebab lain penyampaian proses atau notis itu tidak boleh dilaksanakan,

notis itu boleh disampaikan ke atas perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu dengan meninggalkannya pada, atau menghantarkannya melalui pos kepada, suatu tempat perniagaan yang ditubuhkan oleh perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu di Labuan, atau, jika tiada tempat perniagaan sedemikian ditubuhkan, notis itu boleh disampaikan ke atas perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu melalui pos berdaftar kepada suatu tempat perniagaan perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu di negara pemerbadanannya atau pendaftarannya.

Pemberhentian perniagaan di Labuan

53. Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf terhenti mempunyai tempat perniagaan atau terhenti menjalankan perniagaan di Labuan perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu hendaklah, dalam masa tiga puluh hari selepas terhenti sedemikian, memfailkan dengan Lembaga notis tentang hakikat itu, dan dari hari notis itu difailkan sedemikian, obligasinya untuk memfailkan apa-apa dokumen, yang bukannya suatu dokumen yang sepatutnya telah difailkan sebelum hari itu, dengan Lembaga hendaklah terhenti, dan Lembaga hendaklah dengan serta-merta mengeluarkan nama perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu daripada daftar.

Pelikuidasian atau pembubaran perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf di tempat pemerbadanan atau tempat asal

54. (1) Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf dilikuidasikan atau dibubarkan di tempat pemerbadanan, penubuhan atau di tempat asalnya, perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf

hendaklah, dalam masa sebulan selepas bermulanya pelikuidasian atau pembubaran itu atau dalam apa-apa masa selanjutnya yang dibenarkan dalam hal keadaan tertentu oleh Lembaga, memfailkan atau menyebabkan supaya difailkan dengan Lembaga—

- (a) suatu notis mengenai pelikuidasian atau pembubaran itu; dan
- (b) apabila pelikuidasi asing dilantik bagi perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu di tempat pemerbadanan, penubuhan atau di tempat asalnya, suatu notis tentang pelantikan itu.

(2) Apabila notis dalam perenggan (1)(a) diterima, Lembaga hendaklah dengan serta-merta melantik seorang pelikuidasi yang diluluskan dan sehinggalah pelikuidasi yang diluluskan itu dilantik bagi perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu, pelikuidasi asing yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mempunyai kuasa dan fungsi seorang pelikuidasi yang diluluskan.

(3) Jika perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu tidak memfailkan notis di bawah perenggan (1)(a), Lembaga boleh, pada bila-bila masa selepas itu, melantik pelikuidasi yang diluluskan bagi perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu.

(4) Apabila seseorang pelikuidasi yang diluluskan dilantik di bawah subseksyen (2) atau (3), mahkamah hendaklah disifatkan telah memerintahkan perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu digulung.

(5) Pelikuidasi yang diluluskan hendaklah mengumpulkan kesemua harta perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf yang berada atau boleh didapatkan di Labuan dan hendaklah, apabila berbuat demikian, mempunyai segala kuasa seorang pelikuidasi yang diluluskan bagi suatu syarikat Labuan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990.

(6) Sebelum membayar atau memindahkan hakmilik kepada pelikuidasi asing yang disebut dalam subseksyen (1) apa-apa harta yang dikumpulkan di Labuan, pelikuidasi yang diluluskan itu hendaklah—

- (a) membayar kepada Lembaga kesemua penalti, kos, fi dan caj yang kena dibayar dan terhutang;

- (b) membayar amaun kesemua cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [Akta 445]; dan
- (c) membayar kepada mana-mana pemastautin yang kepadanya, pada masa pelantikan pelikuidasi yang diluluskan di Labuan, apa-apa hutang yang ditanggung dengan suci hati oleh perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu berkenaan dengan pembekalan perkhidmatan kepada atau bagi perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu kena dibayar, amaun hutang itu,

dan penalti, kos, fi, caj, cukai dan hutang itu hendaklah menjadi suatu caj ke atas harta perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu yang berperingkat selepas kos pelikuidasi yang diluluskan tetapi yang menjadi keutamaan berbanding dengan semua caj dan tuntutan lain walau apa pun jua.

(7) Perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu hendaklah disifatkan terus wujud di Labuan sehingga penggulangan hal-hwalnya di Labuan diselesaikan.

Bab 4

Sifat dan transaksi perkongsian liabiliti terhad Labuan

Keperibadian undang-undang yang berasingan

55. (1) Sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan yang dibentuk melalui pendaftaran di bawah Akta ini merupakan suatu pertubuhan perbadanan dan mempunyai keperibadian undang-undang yang berasingan daripada pekongsinya.

(2) Sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan adalah kekal turun temurun.

(3) Sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan hendaklah mempunyai semua kuasa orang sebenar.

(4) Sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan hendaklah, dengan namanya, berupaya untuk—

- (a) membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya;

- (b) memperoleh, memiliki, memegang dan membangunkan atau melupuskan harta, kedua-dua harta alih dan tak alih; dan
- (c) mempunyai meterai perbadanan.

(5) Apa-apa perubahan dalam pekongsi perkongsian liabiliti terhadap Labuan tidak akan menjejaskan kewujudan, hak atau liabiliti perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu.

Liabiliti terhadap pekongsi

56. (1) Sesuatu obligasi perkongsian liabiliti terhadap Labuan sama ada berbangkit daripada kontrak, tort atau selainnya, ialah obligasi perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu semata-mata.

(2) Seseorang pekongsi tidak bertanggung sendiri, secara langsung atau tidak langsung, melalui tanggung rugi, sumbangan, penaksiran atau selainnya, bagi sesuatu obligasi yang disebut dalam subseksyen (1) semata-mata oleh sebab menjadi seorang pekongsi bagi perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu.

(3) Subseksyen (1) dan (2) tidak menjejaskan liabiliti diri seseorang pekongsi dalam tort bagi perbuatan salah laku atau peninggalannya sendiri, tetapi seseorang pekongsi tidak boleh bertanggung sendiri bagi perbuatan salah laku atau peninggalan mana-mana pekongsi lain bagi perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu.

(4) Jika seseorang pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan adalah bertanggung kepada mana-mana orang, selain pekongsi lain perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu, akibat perbuatan salah laku atau peninggalannya semasa menjalankan perniagaan perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu atau dengan kuasanya, perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu adalah bertanggung ke takat yang sama seperti pekongsi itu.

(5) Liabiliti perkongsian liabiliti terhadap Labuan hendaklah dibayar daripada harta perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu.

(6) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini, seseorang pekongsi atau bekas pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan yang menerima pembahagian daripada perkongsian liabiliti terhad Labuan itu—

- (a) apabila perkongsian liabiliti terhad Labuan itu tidak solven dan mengetahui atau sepatutnya mengetahui pada masa pembahagian itu bahawa perkongsian liabiliti terhad Labuan itu tidak solven; atau
- (b) yang mengakibatkan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu menjadi tidak solven dan mengetahui atau sepatutnya mengetahui pada masa pembahagian itu bahawa perkongsian liabiliti terhad Labuan itu akan menjadi tidak solven akibat pembahagian itu,

hendaklah bertanggung sendiri kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan itu bagi amaun atau nilai pembahagian itu jika pembahagian itu telah diterima dalam tempoh enam bulan sebelum permulaan penggulungan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu.

(7) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan adalah tidak solven pada sesuatu masa tertentu jika—
 - (i) perkongsian liabiliti terhad Labuan pada masa itu, tidak berupaya untuk membayar hutangnya apabila hutang itu kena dibayar dalam perjalanan biasa perniagaan; atau
 - (ii) pada masa itu, nilai aset perkongsian liabiliti terhad Labuan itu adalah kurang daripada nilai liabilitinya;
- (b) “pembahagian” ertinya apa-apa pembayaran dividen, pembahagian keuntungan, pemulangan atau pembayaran balik modal oleh perkongsian liabiliti terhad Labuan itu, sama ada dalam bentuk wang tunai atau barang-barang; dan
- (c) seseorang pekongsi atau bekas pekongsi hendaklah disifatkan telah menerima pembahagian jika pembahagian itu diterima oleh pekongsi itu atau pemegang serah hak bekas pekongsi itu.

Kuasa pekongsi untuk mengikat perkongsian liabiliti terhadap Labuan

57. (1) Tiap-tiap pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan ialah ejen bagi perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu dan oleh yang demikian, perbuatan seseorang pekongsi atas sifat pekongsi itu sebagai pekongsi hendaklah mengikat perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan tidak terikat dengan apa-apa jua yang dilakukan oleh pekongsi dalam berurusan dengan seseorang jika—

- (a) pekongsi itu pada hakikatnya tidak mempunyai kuasa untuk bertindak bagi perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu dalam urusan itu; dan
- (b) orang itu mengetahui bahawa pekongsi itu tidak mempunyai kuasa atau tidak mengetahui atau tidak mempercayai bahawa pekongsi itu ialah seorang pekongsi perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu.

(3) Jika seseorang itu telah berhenti menjadi pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan, orang itu dianggap, berhubung dengan mana-mana orang yang berurusan dengan perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu, masih menjadi pekongsi perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu melainkan jika—

- (a) orang yang berurusan dengan perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu mempunyai notis bahawa bekas pekongsi itu telah berhenti menjadi seorang pekongsi perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu; atau
- (b) suatu notis bahawa bekas pekongsi itu telah berhenti menjadi seorang pekongsi perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu telah diserahkan kepada Lembaga.

(4) Bagi maksud subseksyen (2), tiada seorang pun disifatkan mempunyai notis mengenai apa-apa kekurangan kuasa seseorang pekongsi hanya kerana hakikat itu dijadikan tersedia oleh Lembaga untuk diperiksa.

Hubungan pekongsi

58. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Akta ini, hak dan kewajiban bersama pekongsi-pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan, dan hak dan kewajiban bersama sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan dengan pekongsi-pekongsinya, hendaklah ditentukan oleh perjanjian perkongsian.

(2) Jika tiada perjanjian mengenai apa-apa perkara, hak dan kewajiban bersama pekongsi-pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan, dan hak dan kewajiban bersama sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan dengan pekongsi-pekongsinya hendaklah ditentukan, tertakluk kepada terma mana-mana perjanjian perkongsian, oleh peruntukan yang berikut:

- (a) semua pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan berhak untuk berkongsi sama rata modal dan keuntungan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu;
- (b) perkongsian liabiliti terhad Labuan mestilah menanggung rugi setiap pekongsi berkenaan dengan pembayaran yang dibuat dan liabiliti peribadi yang dilakukan oleh pekongsi itu —
 - (i) dalam perjalanan biasa dan wajar perniagaan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu; dan
 - (ii) dalam atau tentang apa-apa jua yang dibuat dengan perlu bagi pemeliharaan perniagaan atau harta perkongsian liabiliti terhad Labuan itu;
- (c) tiap-tiap pekongsi boleh mengambil bahagian dalam pengurusan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu;
- (d) tiada pekongsi berhak kepada saraan kerana bertindak dalam perniagaan atau pengurusan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu;
- (e) tiada seorang pun boleh dimasukkan sebagai pekongsi tanpa persetujuan kesemua pekongsi yang sedia ada;
- (f) apa-apa perkara atau isu yang berhubungan dengan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu hendaklah diputuskan melalui ketetapan yang diluluskan oleh majoriti bilangan pekongsi, dan bagi maksud ini, setiap pekongsi hendaklah mempunyai satu undi;

- (g) setiap pekongsi hendaklah memberikan penjelasan yang benar dan maklumat lengkap bagi semua perkara yang menyentuh perkongsian liabiliti terhad Labuan itu kepada mana-mana pekongsi lain atau wakil di sisi undang-undang pekongsi lain itu;
- (h) jika seseorang pekongsi, tanpa persetujuan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu, menjalankan apa-apa perniagaan yang sama jenis seperti dan bersaing dengan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu, pekongsi itu mestilah menjelaskan dan membayar kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan itu semua keuntungan yang dibuat olehnya dalam perniagaan itu;
- (i) tiap-tiap pekongsi mestilah menjelaskan kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan itu bagi apa-apa faedah yang diperolehnya tanpa persetujuan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu daripada apa-apa transaksi yang berkenaan dengan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu, atau daripada apa-apa kegunaan oleh pekongsi itu daripada harta, nama atau apa-apa hubungan perniagaan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu; dan
- (j) tiada majoriti pekongsi boleh memecat mana-mana pekongsi melainkan jika kuasa untuk berbuat demikian telah diberikan oleh perjanjian secara nyata antara pekongsi-pekongsi.

Urusan oleh pekongsi dengan perkongsian liabiliti terhad Labuan

59. Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perjanjian perkongsian, seseorang pekongsi boleh membuat transaksi dengan perkongsian liabiliti terhad Labuan, termasuklah meminjamkan wang kepada dan meminjam wang daripadanya.

Penyerahhakan kepentingan

60. (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perjanjian perkongsian, seseorang pekongsi boleh menyerahhakan keseluruhan atau mana-mana bahagian kepentingannya dalam pembahagian daripada perkongsian liabiliti terhad Labuan itu tetapi hanya setakat yang berhak diterima oleh pekongsi itu.

(2) Sesuatu penyerahhakan di bawah subseksyen (1) tidak boleh dengan sendirinya—

- (a) menyebabkan pekongsi itu terhenti menjadi seorang pekongsi perkongsian liabiliti terhad Labuan itu; dan
- (b) memberi hak kepada pemegang serah hak untuk campur tangan dalam pengurusan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu.

Penerimaan masuk dan persaraan pekongsi

61. (1) Sebagai tambahan kepada orang yang dinamakan sebagai pekongsi dalam perjanjian perkongsian, seseorang boleh menjadi pekongsi perkongsian liabiliti terhad Labuan mengikut perjanjian dengan pekongsi yang sedia ada.

(2) Seseorang pekongsi perkongsian liabiliti terhad Labuan boleh terhenti menjadi pekongsi mengikut perjanjian perkongsian, atau jika tiada perjanjian sedemikian, dengan pekongsi itu memberikan notis bertulis tiga puluh hari kepada pekongsi lain tentang niatnya untuk meletakkan jawatan sebagai seorang pekongsi.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (2), seseorang pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan hendaklah terhenti menjadi pekongsi apabila pekongsi itu meninggal dunia atau dibubarkan.

(4) Jika seseorang pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan terhenti menjadi pekongsi, melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perjanjian perkongsian, bekas pekongsi itu, wakil dirinya atau pelikuidasinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah berhak untuk menerima daripada perkongsian liabiliti terhad Labuan itu suatu amaun—

- (a) yang bersamaan dengan sumbangan modal bekas pekongsi itu kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan itu dan hak bekas pekongsi itu untuk berkongsi dalam keuntungan terkumpul perkongsian liabiliti terhad Labuan itu selepas kerugian perkongsian liabiliti terhad Labuan itu ditolak; dan
- (b) yang ditentukan pada tarikh bekas pekongsi itu terhenti menjadi pekongsi.

(5) Bagi mengelakkan keraguan, seseorang bekas pekongsi, wakil dirinya atau pelikuidasinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh campur tangan dalam pengurusan perkongsian liabiliti terhadap Labuan.

Kebankrapan pekongsi

62. Jika seseorang pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan dihukum bankrap—

- (a) kebankrapannya tidak akan dengan sendirinya menyebabkan pekongsi itu terhenti menjadi seorang pekongsi perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu; dan
- (b) Ketua Pengarah Insolvensi atau mana-mana orang lain atas sifat yang serupa, atau pemegang amanah estet pekongsi bankrap itu tidak boleh campur tangan dalam pengurusan perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu tetapi berhak untuk menerima pembahagian daripada perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu yang berhak diterima oleh pekongsi bankrap itu di bawah perjanjian perkongsian.

Bab 5

Pengurusan dan pentadbiran perkongsian liabiliti terhadap Labuan

Pejabat berdaftar perkongsian liabiliti terhadap Labuan

63. (1) Sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan hendaklah mempunyai suatu pejabat berdaftar di Labuan yang hendaklah merupakan pejabat berdaftar suatu syarikat amanah Labuan.

(2) Sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan boleh mengubah alamat pejabat berdaftarnya dari semasa ke semasa dengan memfailkan suatu notis perubahan dengan Lembaga.

(3) Perubahan alamat itu hendaklah didaftarkan oleh Lembaga dan hendaklah berkuat kuasa apabila didaftarkan.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), sehingga berakhir tempoh tiga puluh hari yang bermula dari tarikh perubahan alamat perkongsian liabiliti terhad Labuan itu didaftarkan, seseorang boleh menyampaikan dengan sah apa-apa dokumen ke atas perkongsian liabiliti terhad Labuan itu di pejabat berdaftaranya yang terdahulu.

(5) Sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan hendaklah menyimpan di pejabat berdaftaranya—

(a) suatu daftar yang menunjukkan—

(i) nama penuh dan alamat setiap pekongsi yang merupakan seorang individu dan, dalam hal suatu perbadanan, nama penuhnya, tempat di mana perbadanan itu diperbadankan dan pejabat berdaftar atau pejabat utamanya; dan

(ii) jika penyertaan oleh pekongsi ditentukan oleh peratusan kepentingan atau dengan bilangan unit atau hak serupa yang lain yang dipegang oleh mereka, peratusan kepentingan atau bilangan dan kelas unit atau hak lain yang dipegang;

(b) suatu salinan perjanjian perkongsian bagi perkongsian liabiliti terhad Labuan, jika ada, dan setiap pindaan yang dibuat kepadanya;

(c) suatu pernyataan mengenai amaun sumbangan yang dipersetujui untuk dibuat oleh pekongsi dan masa bila mana, atau peristiwa yang apabila berlaku, sumbangan itu kena dibuat;

(d) suatu pernyataan mengenai amaun wang dan jenis dan nilai apa-apa harta lain yang disumbangkan oleh setiap pekongsi dan tarikhnya;

(e) suatu pernyataan mengenai amaun sumbangan yang dipulangkan kepada pekongsi dan tarikhnya; dan

(f) apa-apa maklumat lain yang dinyatakan oleh Lembaga.

(6) Dokumen yang disimpan di bawah subseksyen (5) hendaklah—

(a) menjadi keterangan *prima facie* mengenai butir-butir yang terkandung dalam, atau yang dikehendaki supaya terkandung dalamnya;

- (b) dipinda dalam masa tiga puluh hari dari apa-apa perubahan butir-butir; dan
- (c) tersedia bagi pemeriksaan dan penyalinan tanpa bayaran semasa waktu biasa perniagaan atas permintaan seseorang pekongsi.

(7) Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan tidak mematuhi seksyen ini, perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu dan setiap pekongsi boleh dikenakan suatu penalti pentadbiran yang dinyatakan oleh Lembaga.

Pekongsi ditetapkan

64. (1) Seseorang yang dikenal pasti sebagai pekongsi ditetapkan dalam permohonan di bawah perenggan 30(2)(d) adalah merupakan pekongsi ditetapkan apabila perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu didaftarkan.

(2) Seseorang pekongsi boleh menjadi pekongsi ditetapkan melalui dan mengikut suatu perjanjian dengan pekongsi-pekongsi lain, dan seseorang pekongsi boleh berhenti menjadi pekongsi ditetapkan mengikut perjanjian dengan pekongsi-pekongsi lain.

(3) Hendaklah ada sekurang-kurangnya seorang pekongsi ditetapkan, dan jika tiada pekongsi ditetapkan dilantik maka tiap-tiap pekongsi ialah pekongsi ditetapkan.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), (2) dan (3), sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan boleh pada bila-bila masa menyerahkan kepada Lembaga—

- (a) suatu notis bahawa pekongsi yang dinyatakan hendaklah menjadi pekongsi ditetapkan; atau
- (b) suatu notis bahawa tiap-tiap orang yang dari semasa ke semasa merupakan seorang pekongsi perkongsian liabiliti terhadap Labuan ialah pekongsi ditetapkan,

dan, apabila notis itu diserahkan, notis itu hendaklah berkuat kuasa seolah-olah ia dinyatakan dalam permohonan bagi pendaftaran di bawah seksyen 30 dan 48.

(5) Sesuatu notis yang diserahkan di bawah subseksyen (4)—

(a) hendaklah dalam bentuk yang dinyatakan oleh Lembaga; dan

(b) hendaklah ditandatangani oleh pekongsi ditetapkan perkongsian liabiliti terhad Labuan atau disahkan mengikut cara yang dinyatakan oleh Lembaga.

(6) Seseorang terhenti menjadi pekongsi ditetapkan jika dia terhenti menjadi pekongsi.

Kewajipan dan tanggungjawab pekongsi ditetapkan

65. Seseorang pekongsi ditetapkan hendaklah—

(a) bertanggungjawab bagi melakukan semua perbuatan, perkara dan benda, yang dikehendaki supaya dilakukan oleh perkongsian liabiliti terhad Labuan di bawah Akta ini; dan

(b) bertanggung sendiri bagi semua penalti yang dikenakan ke atas perkongsian liabiliti terhad Labuan bagi apa-apa pelanggaran Bahagian IV dan V melainkan jika pekongsi ditetapkan itu memuaskan hati mahkamah yang mendengar perkara itu bahawa dia tidak sepatutnya bertanggung sedemikian.

Perakuan kesolvenan tahunan

66. (1) Sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan hendaklah memfailkan dengan Lembaga, sekali dalam setiap tahun kalendar, pada atau sebelum ulang tahun tarikh pendaftaran perkongsian liabiliti terhad Labuan itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Lembaga, suatu perakuan daripada pekongsi ditetapkan yang menyatakan bahawa dia telah mempertimbangkan akaun-akaun dan memperakui, dengan atau tanpa syarat—

(a) bahawa akaun-akaun itu menunjukkan bahawa perkongsian liabiliti terhad Labuan itu adalah solven pada tarikh setakat akaun-akaun itu dibuat;

- (b) bahawa dia tidak sedar tentang apa-apa hal keadaan yang menjadikan akaun-akaun itu tidak benar; dan
- (c) bahawa tiada hal keadaan telah berlaku semenjak tarikh setakat akaun-akaun itu dibuat yang boleh menjadikan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu tidak solven,

dan jika perakuan sedemikian itu tidak boleh diberikan tanpa syarat, hal yang berkenaan dengannya ia bersyarat hendaklah dinyatakan.

(2) Mana-mana perkongsian liabiliti terhad Labuan yang tidak mematuhi subseksyen (1)—

- (a) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; dan
- (b) apabila disabitkan di bawah perenggan (a), hendaklah digulungkan oleh mahkamah menurut peruntukan Bahagian X (setakat yang peruntukan itu berhubungan dengan syarikat berhad menurut syer) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972 [*P.U. (A) 289/1972*], tertakluk kepada apa-apa ubah suaian dan penyesuaian yang perlu, dan khususnya, ubah suaian yang disebut dalam subseksyen 67(2).

(3) Seseorang pekongsi ditetapkan yang memfailkan perakuan yang disebut dalam subseksyen (1) tanpa mempunyai alasan yang munasabah bagi pendapatnya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Bab 6

Pembubaran perkongsian liabiliti terhad Labuan

Penerimaan dan penggulungan

67. (1) Tertakluk kepada seksyen 53 dan 54—

- (a) dalam hal penerimaan sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan, peruntukan Bahagian VIII (setakat yang peruntukan

itu berhubungan dengan syarikat berhad menurut syer) Akta Syarikat 1965 hendaklah terpakai; dan

- (b) dalam hal penggulangan sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan, peruntukan Bahagian X (setakat yang peruntukan itu berhubungan dengan syarikat berhad menurut syer) Akta Syarikat 1965 dan Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulangan) 1972, atau seksyen 68 hendaklah terpakai.

(2) Pemakaian Bahagian VIII dan Bahagian X (setakat yang peruntukan itu berhubungan dengan syarikat berhad menurut syer) Akta Syarikat 1965, dan Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulangan) 1972 di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada ubahsuaian dan penyesuaian yang perlu, dan khususnya ubahsuaian yang berikut:

- (a) sebutan mengenai “syarikat” hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai perkongsian liabiliti terhad Labuan;
- (b) sebutan mengenai “pengarah” atau “anggota” sesuatu syarikat hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan;
- (c) sebutan mengenai “memorandum” dan “perkara-perkara syarikat” hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai perjanjian perkongsian sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan;
- (d) sebutan mengenai “ketetapan” syarikat hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai penentuan atau keputusan perkongsian liabiliti terhad Labuan; dan
- (e) sebutan mengenai “syer” seseorang anggota syarikat hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai kepentingan perkongsian seseorang pekongsi dalam perkongsian liabiliti terhad Labuan.

Tatacara alternatif bagi penggulangan secara sukarela perkongsian liabiliti terhad Labuan

68. (1) Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan telah terhenti beroperasi dan telah menunaikan semua hutang dan liabilitinya, seseorang pekongsi perkongsian liabiliti terhad Labuan

itu boleh, selepas memberikan notis mengikut subseksyen (3), memohon kepada Lembaga, bagi suatu perisytiharan pembubaran perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu.

(2) Sesuatu permohonan bagi perisytiharan pembubaran di bawah subseksyen (1) hendaklah secara bertulis dan hendaklah disertai dengan—

(a) suatu affidavit yang dibuat oleh pekongsi ditetapkan perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu yang menyatakan—

(i) bahawa perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu telah berhenti beroperasi dan telah menunaikan semua hutang dan liabilitinya, selain hutang dan liabiliti yang terhutang kepada pekongsinya; dan

(ii) bahawa notis yang dikehendaki oleh subseksyen (3) telah diberikan mengikut subseksyen itu dan tarikh yang padanya notis itu terakhir disiarkan atau diposkan, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(b) suatu salinan notis diberikan di bawah subseksyen (3).

(3) Sebelum membuat sesuatu permohonan kepada Lembaga di bawah subseksyen (2), pemohon hendaklah memastikan bahawa suatu notis yang membawa maksud bahawa pemohon itu bercadang untuk memohon kepada Lembaga bagi suatu perisytiharan pembubaran perkongsian liabiliti terhadap Labuan—

(a) telah disiarkan dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar Malaysia yang diedarkan dengan meluas dan satu surat khabar kewangan antarabangsa dalam suatu iklan; dan

(b) telah dihantar melalui pos berdaftar kepada setiap pekongsi perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu di alamat terakhir pekongsi itu yang diketahui.

(4) Sesuatu bantahan bertulis oleh seseorang pekongsi atau pemiutang hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam masa tiga puluh hari dari tarikh notis itu disiarkan atau diposkan, mengikut mana-mana yang terkemudian.

(5) Apabila sesuatu bantahan bertulis terhadap pembubaran perkongsian liabiliti terhad Labuan itu diterima di bawah subseksyen (4), Lembaga hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemohon bagi perisytiharan pembubaran itu tentang penerimaan bantahan itu dan identiti pembantah.

(6) Lembaga boleh, dengan notis secara bertulis, mengisytiharkan bahawa perkongsian liabiliti terhad Labuan dibubarkan jika—

- (a) tiada bantahan diterima di bawah subseksyen (4);
- (b) pekongsi atau pemiutang, mengikut mana-mana yang berkenaan, menarik balik bantahan yang dibuat di bawah subseksyen (4); atau
- (c) Lembaga memutuskan bahawa bantahan yang dibuat di bawah subseksyen (4) itu tiada justifikasi.

(7) Apabila pembubaran perkongsian liabiliti terhad Labuan di bawah subseksyen (6) diisytiharkan, Lembaga hendaklah memberitahu perkongsian liabiliti terhad Labuan itu bahawa, tertakluk kepada perjanjian perkongsian bagi perkongsian liabiliti terhad Labuan itu, ia berhak untuk membahagikan aset lebihannya di kalangan pekongsi-pekongsinya mengikut hak dan kepentingan mereka masing-masing.

(8) Perkongsian liabiliti terhad Labuan hendaklah memberitahu Lembaga bahawa aset lebihannya telah dibahagikan mengikut subseksyen (7).

(9) Walau apa pun perisytiharan pembubaran di bawah subseksyen (6) dan pembahagian aset di bawah subseksyen (7)—

- (a) liabiliti, jika ada, bagi tiap-tiap pekongsi perkongsian liabiliti terhad Labuan hendaklah berterusan dan boleh dikuatkuasakan seolah-olah perkongsian liabiliti terhad Labuan itu tidak dibubarkan; dan
- (b) Mahkamah Tinggi boleh menggulungkan perkongsian liabiliti terhad Labuan itu mengikut Bahagian X (setakat yang peruntukan itu berhubungan dengan syarikat berhad menurut syer) Akta Syarikat 1965 dan Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972, seolah-olah ia tidak dibubarkan, atau aset lebihan itu tidak dibahagikan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pembatalan pembubaran

69. (1) Mahkamah Tinggi boleh, atas permohonan Lembaga, pekongsi atau pemiutang perkongsian liabiliti terhadap Labuan dalam masa dua tahun dari tarikh pembubaran, memerintahkan pembubaran perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu dibatalkan.

(2) Suatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh diberikan oleh Mahkamah Tinggi jika—

- (a) pada masa pembubaran, perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu sedang beroperasi;
- (b) perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu masih belum menunaikan semua hutang dan liabilitinya; atau
- (c) adil dan munasabah untuk berbuat demikian.

(3) Dalam memberikan perintah di bawah subseksyen (1), Mahkamah Tinggi boleh mengarahkan supaya perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu atau mana-mana orang yang terjejas dengan pembubaran itu, dipulihkan kepada kedudukan yang sama, setakat yang boleh, seolah-olah perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu tidak dibubarkan.

(4) Apabila dibatalkan pembubaran di bawah subseksyen (1), perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu hendaklah memberitahu Lembaga dengan menyampaikan salinan perintah yang dimeterai ke atas Lembaga.

BAHAGIAN V

AM

Akaun hendaklah disimpan

70. (1) Sesuatu perkongsian terhadap Labuan dan perkongsian liabiliti terhadap Labuan hendaklah menyimpan apa-apa rekod perakaunan dan rekod lain yang mencukupi untuk menjelaskan transaksinya dan menzahirkan dengan ketepatan yang munasabah pada bila-bila masa tentang kedudukan kewangan perkongsian terhadap Labuan dan perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu.

(2) Tiap-tiap pekongsi am atau pekongsi ditetapkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menyebabkan catatan yang sesuai dibuat dalam rekod perakaunan dan rekod lain perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa enam puluh hari dari penyelesaian transaksi yang baginya mereka berhubung.

(3) Rekod perakaunan dan rekod lain sesuatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan hendaklah disimpan di pejabat berdaftarnya atau di tempat lain di Labuan yang difikirkan sesuai oleh pekongsi am atau pekongsi ditetapkan, mengikut mana yang berkenaan, dan hendaklah pada bila-bila masa dibuka untuk pemeriksaan oleh mana-mana pekongsi.

(4) Melainkan jika dikehendaki selainnya dalam perjanjian perkongsian, akaun sesuatu perkongsian terhad Labuan dan perkongsian liabiliti terhad Labuan tidak dikehendaki untuk diaudit.

(5) Seseorang pekongsi am atau pekongsi ditetapkan sesuatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang tidak mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan pematuhan oleh perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan itu, dengan kehendak seksyen ini melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Maksud penubuhan yang dibenarkan

71. (1) Sesuatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan hendaklah tertakluk kepada sekatan dan larangan yang sama seperti syarikat Labuan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 melainkan jika dibenarkan secara nyata di bawah Akta ini atau jika sekatan dan larangan itu dibenarkan atau diketepikan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990, kebenaran atau pengeneapan yang sama hendaklah sama-sama terpakai bagi perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*, memerintahkan supaya sesuatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan disekat atau dilarang daripada menjalankan apa-apa perniagaan yang dinyatakan di Labuan dan boleh, melalui notis

yang disiarkan dalam *Warta*, mengenakan syarat yang tertakluk kepadanya sesuatu perniagaan yang dinyatakan boleh dijalankan oleh perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan.

(3) Mana-mana perkongsian terhadap Labuan dan perkongsian liabiliti terhadap Labuan yang tidak mematuhi subseksyen (1) atau tidak mematuhi perintah Menteri di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Fi

72. (1) Lembaga boleh mengenakan fi berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

(2) Sesuatu perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan hendaklah membayar apa-apa fi tahunan yang ditetapkan, pada atau sebelum setiap ulang tahun tarikh pendaftarannya.

(3) Apa-apa fi yang dipungut oleh atau dibayar kepada Lembaga di bawah Akta ini hendaklah menjadi sebahagian daripada dan dikreditkan ke dalam kumpulan wangnya yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996.

Pemeriksaan dan pengemukaan dokumen yang disimpan

73. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, seseorang boleh, jika diberi kuasa oleh perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan yang berkaitan—

- (a) memeriksa dokumen yang disampaikan kepada, didaftarkan oleh atau difailkan dengan Lembaga di bawah Akta ini dan yang disimpan oleh Lembaga atau, jika difikirkan sesuai oleh Lembaga, suatu salinan dokumen itu; atau
- (b) menghendaki supaya diberikan kepadanya suatu salinan perakuan pendaftaran sesuatu perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau mana-mana dokumen lain atau sebahagian daripada mana-mana dokumen lain yang disebut dalam perenggan (a).

(2) Suatu salinan perakuan yang diberikan di bawah perenggan (1)(b) hendaklah diperakui oleh Lembaga dan dimeterai dengan meterai Lembaga.

Bentuk rekod

74. Rekod-rekod yang sesuatu perkongsian terhadap Labuan dan perkongsian liabiliti terhadap Labuan dikehendaki oleh Akta ini untuk disimpan boleh disimpan dalam bentuk filem fotografi atau boleh dicatatkan atau direkodkan melalui sistem pemprosesan data secara mekanik atau elektronik atau apa-apa peranti penyimpanan maklumat lain yang berupaya mengeluarkan semula apa-apa maklumat yang dikehendaki dalam bentuk bertulis yang dapat difahami dalam masa yang munasabah.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

75. Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, mana-mana orang yang, pada masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, pengurus, pekongsi, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya atau yang berupa bertindak atas apa-apa sifat sedemikian—

- (a) boleh didakwa secara berasingan atau berse sama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

Dokumen hendaklah difailkan melalui syarikat amanah Labuan

76. (1) Tiap-tiap dokumen yang dikehendaki atau dibenarkan supaya difailkan dengan Lembaga di bawah Akta ini hendaklah difailkan melalui suatu syarikat amanah Labuan.

(2) Tiap-tiap permohonan kepada Lembaga bagi apa-apa perakuan atau apa-apa cabutan atau salinan apa-apa perakuan yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau apa-apa dokumen yang difailkan dengan Lembaga hendaklah dibuat melalui syarikat amanah Labuan.

(3) Subseksyen (2) tidak terpakai jika sesuatu permohonan dibuat oleh mana-mana pekongsi sesuatu perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan berkenaan dengan perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan dokumen, perakuan, cabutan atau salinan itu adalah bagi kegunaan peribadinya.

(4) Jika apa-apa dokumen dikehendaki supaya difailkan atau didaftarkan dengan Lembaga melalui syarikat amanah Labuan, syarikat amanah Labuan itu hendaklah, tanpa menjejaskan kewajibannya yang terkandung dalam Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 200... [*Akta ...*], memastikan kesahan, kebenaran dan keaslian dokumen itu.

Penalti am

77. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

Kuasa untuk mengenakan penalti pentadbiran

78. (1) Lembaga boleh mengenakan penalti pentadbiran ke atas mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum membuat keputusan untuk mengenakan suatu penalti pentadbiran ke atas seseorang, menyampaikan kepadanya suatu notis bertulis meminta dia memberikan tunjuk sebab mengapa penalti pentadbiran itu tidak sepatutnya dikenakan ke atasnya.

(3) Jika suatu penjelasan yang memuaskan tidak diterima dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis bertulis itu, Lembaga boleh mengenakan suatu penalti pentadbiran yang amaunnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari ketidakpatuhan dan amaun itu tidak boleh secara keseluruhan melebihi jumlah sepuluh ribu ringgit.

(4) Jika seseorang tidak membayar suatu penalti pentadbiran yang dikenakan oleh Lembaga di bawah subseksyen (3), penalti yang dikenakan oleh Lembaga itu boleh dibawa guaman terhadapnya dan boleh didapatkan sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Lembaga.

Pengkompaunan kesalahan

79. (1) Lembaga boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu dengan membayar kepada Lembaga, dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya telah dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Lembaga, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran mengkompaun kesalahan itu dibuat.

(4) Apa-apa wang yang diterima oleh Lembaga di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996.

Pemotongan

80. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Akta ini, jika Lembaga berpuas hati bahawa sesuatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan—

(a) tidak membayar apa-apa fi yang ditetapkan di bawah Akta ini; atau

(b) telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini,

Lembaga boleh menyampaikan suatu notis kepada perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan itu yang memberitahunya bahawa namanya akan dipotong daripada daftar, melainkan jika perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan itu mengambil apa-apa langkah atau tindakan untuk meremеди kemungkiran yang dinyatakan dalam notis itu dalam masa tiga puluh hari bermula dari tarikh notis atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang dilanjutkan oleh Lembaga.

(2) Sekiranya Lembaga—

(a) menerima daripada perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan, suatu notis yang menyatakan bahawa ada kemungkinan ia tidak akan dapat meremеди kemungkiran yang dinyatakan dalam notis di bawah subseksyen (1); atau

(b) tidak menerima apa-apa jawapan daripada perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan kepada notis di bawah subseksyen (1),

Lembaga boleh dalam masa tiga puluh hari bermula dari tarikh habis tempoh yang disebut dalam notis atau selepas itu, memotong nama perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan itu daripada daftar melainkan jika perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan itu memuaskan hati Lembaga bahawa nama itu tidak patut dipotong.

(3) Sesuatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan yang telah dipotong daripada daftar di bawah seksyen ini masih lagi bertanggungjawab bagi semua tuntutan, hutang, liabiliti dan obligasinya, dan pemotongan itu tidak menjejaskan liabiliti mana-mana perkongsinya.

Kemasukan semula dalam daftar

81. Jika nama sesuatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan telah dipotong daripada daftar di bawah subseksyen 80(2), perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan, atau perkongsi atau pelikuidasinya boleh, dalam masa tiga tahun sebaik selepas tarikh pemotongan itu, memohon kepada Lembaga supaya nama perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan itu dimasukkan semula dalam daftar, dan apabila dibayar kepada Lembaga fi kemasukan semula yang ditetapkan dan segala fi yang ditetapkan lain yang kena dibayar, Lembaga boleh memasukkan semula nama perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan itu dalam daftar.

(2) Apabila nama perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan itu dimasukkan semula dalam daftar, nama perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan itu hendaklah disifatkan tidak pernah dipotong daripada daftar.

Kesan pemotongan

82. (1) Jika nama sesuatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan telah dipotong daripada daftar, perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan, dan perkongsi, pelikuidasi dan penerimanya, tidak boleh—

- (a) memulakan atau membela apa-apa prosiding undang-undang, atau menjalankan apa-apa perniagaan atau dengan apa-apa cara menguruskan harta perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan;
- (b) membela apa-apa prosiding undang-undang, membuat apa-apa tuntutan atau menuntut apa-apa hak bagi, atau atas nama perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan; atau

- (c) bertindak dengan apa-apa cara berkenaan dengan hal-ehwal perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika nama sesuatu perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan telah dipotong daripada daftar, perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu, atau pekongsi, pelikuidasi atau penerimanya, boleh—

- (a) memohon kepada Lembaga supaya perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu didaftarkan semula;
- (b) meneruskan pembelaan prosiding undang-undang yang telah dimulakan terhadap perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu sebelum tarikh pemotongan itu; dan
- (c) terus menjalankan prosiding undang-undang yang telah dimulakan bagi pihak perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu sebelum tarikh pemotongan itu.

(3) Hakikat bahawa nama sesuatu perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan telah dipotong daripada daftar tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang—

- (a) perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu daripada bertanggungjawab bagi apa-apa liabilitinya;
- (b) mana-mana orang daripada membuat tuntutan terhadap perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu, dan meneruskan tuntutan itu sehingga penghakiman atau pelaksanaan; atau
- (c) mahkamah daripada memberikan apa-apa perintah yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

Kerahsiaan

83. (1) Tiada seorang pun yang dengan apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa rekod, buku, daftar, surat-menyurat, dokumen, bahan atau maklumat, yang berhubungan dengan perniagaan dan

hal-ehwal sesuatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh memberikan, membuka, mendedahkan, menyiarkan atau selainnya menzahirkan kepada mana-mana orang rekod, buku, daftar, surat-menyurat, dokumen, bahan atau maklumat itu.

(2) Semua prosiding, selain prosiding jenayah, yang berhubungan dengan sesuatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan hendaklah dimulakan dalam mana-mana Mahkamah Tinggi, sama ada di bawah peruntukan Akta ini atau bagi menentukan hak dan obligasi pekongsi.

(3) Prosiding dalam subseksyen (2) dan apa-apa rayuan daripada prosiding itu, hendaklah, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah Tinggi, didengar secara tertutup dan tiada butir-butir prosiding itu boleh disiarkan oleh mana-mana orang tanpa kebenaran Mahkamah Tinggi.

(4) Peruntukan subseksyen (1) tidak terpakai—

(a) jika penzahiran dikehendaki—

- (i) menurut suatu perintah mana-mana mahkamah dalam mana-mana prosiding;
- (ii) bagi maksud pelaksanaan fungsi penyeliaan Lembaga yang diperuntukkan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996; atau
- (iii) bagi maksud seksyen 22 Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990; atau

(b) jika terdapat kebenaran daripada semua pekongsi perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan.

(5) Jika perintah yang disebut dalam subperenggan (4)(a)(i) telah diperoleh melalui suatu permohonan *ex-parte*, pekongsi terhad atau pekongsi perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh memberitahu orang yang terjejas dengan perintah itu dan apabila pemberitahuan itu diterima, orang yang terjejas itu boleh memfailkan permohonan yang perlu kepada mahkamah untuk mencabar perintah itu atau selainnya mematuhi perintah itu dengan sewajarnya.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(7) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang mana-mana mahkamah daripada menjalankan budi bicaranya untuk menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau untuk memberikan apa-apa keterangan dalam mana-mana prosiding di hadapan mahkamah yang berkaitan dengan prosiding itu.

Hak untuk mendapatkan maklumat

84. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan Akta ini, Lembaga boleh—

(a) bagi maksud memuaskan hatinya bahawa peruntukan Akta ini dipatuhi dan bahawa perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, berada dalam kedudukan kewangan yang kukuh—

(i) mempunyai akses kepada dan memeriksa buku, rekod, baucer, dokumen, wang tunai dan sekuriti bagi sesuatu perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan; dan

(ii) menghendaki mana-mana pekongsi, pegawai atau pekerja sesuatu perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan untuk mengemukakan apa-apa maklumat, statistik, penyata atau dokumen; dan

(b) menghendaki, pada bila-bila masa, sesuatu perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau mana-mana pekongsinya untuk mengemukakan apa-apa maklumat, statistik, penyata atau dokumen yang berhubungan dengan perkongsian itu kepada Lembaga pada masa dan tempat yang dinyatakan oleh Lembaga.

(2) Jika mana-mana orang dikehendaki di bawah subperenggan (1)(a)(ii) atau perenggan (1)(b) untuk memberikan apa-apa maklumat, statistik, penyata atau dokumen kepada Lembaga, orang

itu hendaklah mengemukakan maklumat, statistik, penyata atau dokumen itu kepada Lembaga dalam bentuk dan cara dan dalam tempoh yang dinyatakan oleh Lembaga dalam permintaan itu.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Jika mana-mana orang dikehendaki untuk memberikan kepada Lembaga apa-apa maklumat, statistik, penyata atau dokumen di bawah subperenggan (1)(a)(ii) atau perenggan (1)(b), orang itu tidak boleh mengemukakan apa-apa maklumat, statistik, penyata atau dokumen sebagai benar dan tepat yang baginya dia mengetahui, atau mempunyai alasan untuk mempercayai, adalah palsu, tidak tepat atau mengelirukan.

(5) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(6) Mana-mana pekongsi, pegawai atau pekerja sesuatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menghalang atau menggagalkan Lembaga atau mana-mana orang yang diberi kuasa semasa menjalankan mana-mana kuasa yang disebut dalam subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(7) Penzahiran oleh seseorang tentang apa-apa maklumat kepada Lembaga sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga di bawah subseksyen (1) tidak menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Pemakaian Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996

85. Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan antara mana-mana peruntukan Akta ini dengan peruntukan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996, Akta yang kemudian disebut itu hendaklah mengatasi.

Pemakaian undang-undang perkongsian

86. (1) Rukun ekuiti dan *common law* yang terpakai bagi perkongsian—

- (a) hendaklah terus terpakai bagi sesuatu perkongsian terhadap Labuan, kecuali setakat yang tidak selaras dengan peruntukan nyata Akta ini; dan
- (b) tidak terpakai bagi sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan.

(2) Peruntukan Akta Perkongsian 1961 [*Akta 135*] tidak terpakai bagi sesuatu perkongsian terhadap Labuan dan perkongsian liabiliti terhadap Labuan yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah Akta ini.

Tatacara jika tidak dinyatakan

87. Jika apa-apa perbuatan atau langkah dikehendaki atau dibenarkan untuk dilakukan atau diambil di bawah Akta ini dan tiada bentuk ditetapkan atau tatacara dinyatakan sama ada dalam Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, permohonan boleh dibuat kepada Lembaga bagi mendapatkan arahan tentang cara yang baginya perbuatan atau langkah itu boleh dilakukan atau diambil, dan apa-apa perbuatan atau langkah yang dilakukan atau diambil mengikut arahan Lembaga hendaklah menjadi pelaksanaan yang sah bagi perbuatan atau langkah itu.

Kuasa untuk mengecualikan

88. Menteri boleh, atas syor Lembaga, mengecualikan sesuatu perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau seseorang atau golongan orang atau kelas perkongsian terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap Labuan daripada mana-mana peruntukan Akta ini dan boleh, dalam memberikan pengecualian itu, mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkan sesuai oleh Menteri.

Peraturan-peraturan

89. (1) Menteri boleh, atas syor Lembaga, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan semua perkara dan benda yang dikehendaki atau diberi kuasa oleh Akta ini untuk ditetapkan atau diperuntukkan, atau yang perlu atau suai manfaat untuk ditetapkan atau diperuntukkan, bagi menjalankan, atau melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh memperuntukkan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh memperuntukkan penalti suatu denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

90. Tiada tindakan boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Lembaga, mana-mana pegawai diberi kuasa, ejen atau pekhidmat Lembaga; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau kerana atau berkenaan dengan mana-mana perbuatan yang dilakukan atau berupa sebagai dilakukan oleh orang itu di bawah perintah, arahan atau petunjuk Lembaga atau mana-mana pegawai diberi kuasa, ejen atau pekhidmat Lembaga,

jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan kepercayaan yang munasabah bahawa ia adalah perlu bagi tujuan yang dimaksudkan yang hendak dicapai olehnya dan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Pemansuhan dan kecualian

91. (1) Bagi maksud seksyen ini, “tarikh kuat kuasa” hendaklah membawa erti tarikh yang ditetapkan oleh Menteri dalam seksyen 1.

(2) Akta Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan 1997 [Akta 565] dimansuhkan dari tarikh kuat kuasa.

(3) Walau apa pun subseksyen (2)—

- (a) semua peraturan-peraturan, perintah, pemberitahuan, pengecualian dan perundangan subsidiari lain, kelulusan, arahan, keputusan dan perbuatan eksekutif lain, walau apa jua dinamakan, yang dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah atau mengikut, atau menurut Akta Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan 1997 hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat, diberikan, atau dilakukan, di bawah atau mengikut, peruntukan yang bersamaan dengan Akta ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa dengan sepenuhnya dan seberkesannya berhubung dengan orang yang kepadanya mereka terpakai sehingga dipinda, dimansuhkan, ditamatkan, dibatalkan atau digantikan di bawah, mengikut atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan dengan Akta ini;
- (b) tiap-tiap arahan, notis, garis panduan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Lembaga atau Menteri di bawah Akta Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan 1997 sebelum tarikh kuat kuasa dan berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh kuat kuasa, hendaklah disifatkan sebagai telah dikeluarkan dengan sah di bawah Akta ini di bawah peruntukan tertentu Akta ini yang bersamaan dengan perkara yang diperkatakan dalam arahan, notis, garis panduan atau pekeliling itu dan hendaklah terus berkuat kuasa dengan sepenuhnya dan seberkesannya sehingga ia dipinda, dimansuhkan, ditamatkan, dibatalkan atau digantikan di bawah Akta ini;
- (c) sesuatu permohonan bagi kelulusan atau keizinan, atau bagi apa-apa maksud lain walau apa pun jua, atau suatu rayuan yang berhubungan dengan permohonan itu, yang dibuat oleh seseorang kepada Menteri atau kepada Lembaga di bawah Akta Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan 1997 sebelum tarikh kuat kuasa, dan belum selesai sebaik sebelum tarikh kuat kuasa, hendaklah, jika ada peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini, diuruskan seolah-olah ia dibuat di bawah peruntukan itu dan, jika tiada peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini, permohonan atau rayuan itu hendaklah luput pada tarikh kuat kuasa; dan

- (d) semua transaksi atau urusan yang disempurnakan atau dimasuki dengan sah, dan semua perniagaan yang dibuat dengan sah, di bawah atau mengikut Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir Labuan 1997 oleh seseorang yang diluluskan atau didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir Labuan 1997, dengan mana-mana orang lain, hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan, dimasuki, atau dilakukan, menurut undang-undang dan dengan sah, di bawah dan mengikut Akta ini, dan dengan itu, apa-apa hak atau liabiliti di bawah transaksi dan urusan itu, sebaik sebelum tarikh kuat kuasa, hendaklah disifatkan sebagai berterusan di sisi undang-undang dan sah di bawah Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan, pengawalseliaan dan pembubaran perkongsian terhad Labuan dan perkongsian liabiliti terhad Labuan dan bagi perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk membenarkan Menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

5. *Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa Akta yang dicadangkan akan ditadbir oleh Lembaga.

BAHAGIAN III

6. Bahagian III Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan mengenai penubuhan, pengurusan dan pembubaran sesuatu perkongsian terhad Labuan.

7. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan perkongsian terhadap Labuan bagi apa-apa maksud yang sah dan bilangan minimum pekongsi am dan terhadap.
8. *Fasal 5* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara yang terperinci mengenai pendaftaran sesuatu perkongsian terhadap Labuan.
9. *Fasal 6* bertujuan untuk menghendaki pekongsi am sesuatu perkongsian terhadap Labuan supaya mendaftarkan apa-apa pindaan yang dibuat kepada perjanjian perkongsian dengan Lembaga.
10. *Fasal 7* dan *8* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kehendak yang berhubungan dengan nama sesuatu perkongsian terhadap Labuan dan pertukaran pada nama itu.
11. *Fasal 9* bertujuan untuk menghendaki sesuatu perkongsian terhadap Labuan menyenggara suatu pejabat berdaftar di Labuan yang hendaklah merupakan pejabat berdaftar suatu syarikat amanah Labuan dan menyenaraikan dokumen yang akan disenggarakan di pejabat berdaftar itu.
12. *Fasal 10* menyatakan jenis sumbangan oleh seseorang pekongsi terhadap.
13. *Fasal 11* memperkatakan hak dan obligasi pekongsi am dalam penjalanan urusan sesuatu perkongsian terhadap Labuan.
14. *Fasal 12* berhubungan dengan penguatkuasaan penghakiman terhadap harta sesuatu perkongsian terhadap Labuan yang timbul daripada tindakan guaman oleh pemiutang seseorang pekongsi.
15. *Fasal 13* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi hak seseorang pekongsi terhadap dan sekatan ke atas pembubaran sesuatu perkongsian terhadap Labuan oleh pekongsi terhadap.
16. *Fasal 14* bertujuan untuk mengawal selia cara pembahagian keuntungan kepada seseorang pekongsi terhadap.
17. *Fasal 15* bertujuan untuk memberi pekongsi terhadap kuasa untuk meminjamkan wang kepada, meminjam wang daripada dan membuat transaksi dengan pekongsi am sesuatu perkongsian terhadap Labuan dan memperuntukkan peringkat pekongsi terhadap atas sifatnya sebagai seorang pemiutang yang timbul daripada tuntutan terhadap aset perkongsian terhadap Labuan.
18. *Fasal 16* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi hak pekongsi terhadap sesama mereka berkenaan dengan pemulangan sumbangan dan keuntungan mereka.
19. *Fasal 17* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemulangan sumbangan pekongsi terhadap apabila sesuatu perkongsian terhadap Labuan dibubarkan dan hal keadaan yang memerlukan pembayaran balik apa-apa sumbangan yang telah dibayar kepada pekongsi terhadap itu.

20. *Fasal 18* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi liabiliti seseorang pekongsi terhad berkenaan dengan perkongsian terhad Labuan dalam hal keadaan jika terdapat perbezaan antara nilai wang atau harta lain yang disumbangkan oleh pekongsi itu kepada perkongsian terhad Labuan itu atau nilai statutori dengan nilai wang atau harta lain yang akan disumbangkan oleh pekongsi itu.

21. *Fasal 19* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi liabiliti seseorang pekongsi terhad kepada pemiutang sesuatu perkongsian terhad Labuan jika pekongsi terhad itu melibatkan diri dalam pengurusan perkongsian terhad Labuan itu dan hal keadaan apabila pekongsi terhad itu tidak disifatkan melibatkan diri dalam pengurusan perkongsian terhad Labuan itu.

22. *Fasal 20* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi hal keadaan yang pekongsi terhad atau pekongsi am tambahan boleh diterima masuk dalam sesuatu perkongsian terhad Labuan.

23. *Fasal 21* memperkatakan penyerahhakan sesuatu kepentingan pekongsi terhad dalam perkongsian terhad Labuan secara keseluruhan atau sebahagiannya.

24. *Fasal 22* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa prosiding undang-undang oleh atau terhadap sesuatu perkongsian terhad Labuan boleh dimulakan oleh atau terhadap pekongsi am sahaja. *Fasal 22* juga memperuntukkan penyampaian dokumen ke atas perkongsian terhad Labuan.

25. *Fasal 23* bertujuan untuk memberi pekongsi am kuasa untuk menyempurnakan sesuatu dokumen untuk dan bagi pihak perkongsian terhad Labuan.

26. *Fasal 24* bertujuan untuk menghendaki pekongsi am memfailkan suatu notis pembubaran perkongsian terhad Labuan dengan Lembaga.

27. *Fasal 25, 26 dan 27* adalah mengenai tatacara bagi penggulungan perkongsian terhad Labuan.

Fasal 25 bertujuan untuk memberi pekongsi am sesuatu perkongsian terhad Labuan kuasa untuk menggulung perkongsian itu sekiranya berlaku pembubaran.

Fasal 26 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi hal keadaan yang boleh menyebabkan pembubaran serta-merta sesuatu perkongsian terhad Labuan.

Fasal 27 bertujuan untuk memberi mahkamah kuasa untuk memerintahkan pembubaran sesuatu perkongsian terhad Labuan dan untuk memperuntukkan penyampaian perintah itu kepada Lembaga.

28. *Fasal 28* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peringkat seorang pemiutang dalam hubungannya dengan seorang pekongsi dalam menyelesaikan akaun perkongsian terhad Labuan sekiranya berlaku pembubaran.

BAHAGIAN IV

29. Bahagian IV Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan bagi penubuhan, pengurusan dan pembubaran sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan, penukaran kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan dan perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf.
30. *Fasal 29* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan perkongsian liabiliti terhad Labuan bagi apa-apa maksud yang sah dan bilangan minimum pekongsi.
31. *Fasal 30* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara yang terperinci mengenai pendaftaran sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan.
32. *Fasal 31* bertujuan untuk menghendaki pekongsi ditetapkan sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan supaya mendaftarkan apa-apa perubahan yang dibuat pada butir-butir yang didaftarkan dengan Lembaga.
33. *Fasal 32 dan 33* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kehendak yang berhubungan dengan nama sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan dan perubahan pada nama itu.
34. *Fasal 34 dan 35* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penukaran sesuatu perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan apabila kehendak-kehendak yang tertentu dipenuhi.
35. *Fasal 36* bertujuan untuk menghendaki perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan supaya memfailkan penyata dan maklumat tertentu dengan Lembaga bagi tujuan penukaran kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan.
36. *Fasal 37* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk mendaftarkan penukaran sesuatu perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan, atau untuk menolak pendaftaran penukaran itu jika Lembaga tidak berpuas hati dengan maklumat yang diberikan.
37. *Fasal 38* memperuntukkan kesan pendaftaran penukaran perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan.
38. *Fasal 39, 40, 41, 42, 43, 44 dan 47* memperkatakan peruntukan peralihan mengenai penukaran sesuatu perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan.
39. *Fasal 45* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa *fasal 38* hingga *44* tidak terpakai bagi apa-apa kelulusan, permit atau lesen yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis kepada sesuatu perkongsian terhad Labuan atau syarikat Labuan yang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh pendaftaran perkongsian liabiliti terhad Labuan itu.

40. *Fasal 46* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa tiap-tiap pekongsi sesuatu perkongsian terhad Labuan yang telah bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan hendaklah terus bertanggung sendiri bagi liabiliti dan obligasi perkongsian terhad Labuan itu yang dilakukan sebelum penukaran itu.

41. *Fasal 48* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara yang terperinci mengenai pendaftaran sesuatu perkongsian liabiliti terhad asing sebelum mempunyai tempat perniagaan di Labuan atau menjalankan perniagaan di Labuan sebagai perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf di bawah Akta yang dicadangkan.

42. *Fasal 49* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kehendak-kehendak yang berhubungan dengan nama sesuatu perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf dan perubahan pada nama itu.

43. *Fasal 50* bertujuan untuk menghendaki sesuatu perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf untuk menyenggara suatu pejabat berdaftar di Labuan yang hendaklah merupakan pejabat utama suatu syarikat amanah Labuan.

44. *Fasal 51* bertujuan untuk menghendaki sesuatu perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf memberitahu Lembaga mengenai apa-apa perubahan yang dibuat atau berlaku dalam mana-mana butir yang didaftarkan.

45. *Fasal 52* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penyampaian dokumen ke atas perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf.

46. *Fasal 53* bertujuan untuk menghendaki sesuatu perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf yang terhenti mempunyai tempat perniagaan atau terhenti menjalankan perniagaan di Labuan memberitahu Lembaga tentang hakikat itu dan untuk memberi Lembaga kuasa untuk mengeluarkan nama perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu daripada daftar.

47. *Fasal 54* memperkatakan tatacara terperinci bagi pelikuidasian atau pembubaran sesuatu perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf di tempat pemerbadanan, penubuhan atau tempat asalnya.

48. *Fasal 55* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan yang didaftarkan di bawah Akta yang dicadangkan ialah suatu pertubuhan perbadanan dan mempunyai keperibadian undang-undang yang berasingan daripada pekongsinya.

49. *Fasal 56* mengadakan peruntukan bagi liabiliti terhad pekongsi dalam sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan yang mana pekongsi tidak bertanggung sendiri bagi apa-apa obligasi perkongsian liabiliti terhad Labuan yang timbul daripada kontrak, tort atau selainnya semata-mata atas alasan dia seorang pekongsi kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan itu. *Subfasal 56(6)* memperuntukkan bahawa pekongsi atau bekas pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan yang menerima suatu pembahagian daripada perkongsian

liabiliti terhadap Labuan apabila perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu tidak solven hendaklah bertanggung sendiri kepada perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu bagi amaun atau nilai pembahagian itu jika ia diterima dalam tempoh enam bulan sebelum permulaan penggulungan perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu.

50. *Fasal 57* memperkatakan kuasa seseorang pekongsi, sebagai ejen kepada perkongsian liabiliti terhadap Labuan, untuk mengikat perkongsian itu bagi tindakan pekongsi itu atas sifatnya sebagai pekongsi tertakluk kepada kecualian tertentu.

51. *Fasal 58* memperkatakan hak dan kewajipan bersama pekongsi-pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan, dan hak dan kewajipan bersama perkongsian liabiliti terhadap Labuan dan pekongsi-pekongsinya jika tiada apa-apa perjanjian perkongsian.

52. *Fasal 59* bertujuan untuk membenarkan pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan untuk memasuki suatu transaksi dengan perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu, termasuklah meminjamkan wang kepada dan meminjam wang daripada perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu.

53. *Fasal 60* memperkatakan penyerahhakan suatu kepentingan pekongsi dalam pembahagian daripada perkongsian liabiliti terhadap Labuan dan kesannya.

54. *Fasal 61* memperkatakan tatacara bagi penerimaan masuk dan persaraan pekongsi perkongsian liabiliti terhadap Labuan.

55. *Fasal 62* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesan kebangkrapan yang mana pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan tidak akan terhenti menjadi pekongsi disebabkan oleh kebangkrapan pekongsi itu.

56. *Fasal 63* bertujuan untuk menghendaki perkongsian liabiliti terhadap Labuan untuk menyenggara suatu pejabat berdaftar di Labuan yang merupakan pejabat berdaftar suatu syarikat amanah Labuan dan menyenaraikan dokumen yang disenggarakan di pejabat berdaftar itu.

57. *Fasal 64* bertujuan untuk menghendaki sekurang-kurangnya satu pekongsi ditetapkan dilantik bagi perkongsian liabiliti terhadap Labuan.

58. *Fasal 65* mengadakan peruntukan bahawa pekongsi ditetapkan sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan hendaklah bertanggungjawab bagi perlakuan semua perbuatan, hal perkara dan benda yang dikehendaki dilakukan oleh perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu dan hendaklah bertanggung sendiri bagi semua penalti yang dikenakan ke atas perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu bagi apa-apa pelanggaran Bahagian IV dan V Akta yang dicadangkan.

59. *Fasal 66* memperkatakan perakuan tahunan yang dikehendaki difailkan setiap tahun oleh pekongsi ditetapkan sesuatu perkongsian liabiliti terhadap Labuan yang memperakui status kesolvenan perkongsian liabiliti terhadap Labuan itu. Kegagalan mematuhi kehendak ini merupakan suatu kesalahan.

60. *Fasal 67 dan 68* memperkatakan tatacara bagi penerimaan dan penggulungan sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan. Dalam hal penerimaan sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan, peruntukan Bahagian VIII (setakat yang peruntukan itu berhubungan dengan syarikat berhad menurut syer) Akta Syarikat 1965 hendaklah terpakai. Bagi maksud penggulungan, perkongsian liabiliti terhad Labuan boleh memilih untuk mengikut tatacara dalam Bahagian X (setakat yang peruntukan itu berhubungan dengan syarikat berhad menurut syer) Akta Syarikat 1965 dan Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972, atau tatacara alternatif yang dinyatakan dalam *fasal 68*.

61. *Fasal 69* memberi Mahkamah Tinggi kuasa untuk membuat suatu perintah bagi membatalkan pembubaran perkongsian liabiliti terhad Labuan jika kehendak tertentu dipenuhi.

BAHAGIAN V

Bahagian V Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan am.

62. *Fasal 70* bertujuan untuk mengawal selia penyimpanan dan pengauditan rekod perakaunan dan rekod lain sesuatu perkongsian terhad Labuan dan perkongsian liabiliti terhad Labuan.

63. *Fasal 71* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi sekatan atau larangan yang sama kepada perkongsian terhad Labuan dan perkongsian liabiliti terhad Labuan seperti suatu syarikat Labuan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 melainkan jika dibenarkan dengan nyata di bawah Akta yang dicadangkan atau jika sekatan atau larangan itu dibenarkan atau diketepikan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990.

64. *Fasal 72* bertujuan untuk memberikan kuasa budi bicara kepada Lembaga untuk mengenakan bayaran bagi apa-apa fi berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga di bawah Akta yang dicadangkan dan untuk menghendaki perkongsian terhad Labuan dan perkongsian liabiliti terhad Labuan membayar fi tahunan yang ditetapkan sebelum setiap ulang tahun tarikh pendaftarannya.

65. *Fasal 73* memperkatakan pemeriksaan dokumen sesuatu perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan yang telah difailkan dengan Lembaga jika diberi kuasa sedemikian oleh perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan itu.

66. *Fasal 74* mengawal transaksi rekod bagi sesuatu perkongsian terhad Labuan dan perkongsian liabiliti terhad Labuan.

67. *Fasal 75* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi liabiliti pengarah, pengurus, pekongsi, setiausaha atau pegawai yang seumpamanya sesuatu pertubuhan perbadanan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan itu.

68. *Fasal 76* bertujuan untuk menghendaki dokumen yang perlu difailkan dengan Lembaga di bawah Akta yang dicadangkan difailkan melalui suatu syarikat amanah Labuan.

69. *Fasal 77* bertujuan untuk mengenakan penalti am suatu denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan di bawah Akta yang dicadangkan atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta yang dicadangkan yang mana tiada penalti diperuntukkan dengan nyata.

70. *Fasal 78* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk mengenakan penalti pentadbiran bagi ketidakpatuhan peruntukan tertentu di bawah Akta yang dicadangkan dalam amaun yang tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari ketidakpatuhan itu dan amaun itu tidak boleh melebihi sepuluh ribu ringgit.

71. *Fasal 79* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk mengkompaun mana-mana kesalahan terhadap Akta yang dicadangkan dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya dan apa-apa wang yang diterima oleh Lembaga di bawah fasal ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996.

72. *Fasal 80* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk memotong nama perkongsian terhad Labuan dan perkongsian liabiliti terhad Labuan daripada daftar kerana gagal membayar apa-apa fi yang ditetapkan atau melanggar mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan dan untuk memperuntukkan tatacara bagi pemotongan itu.

73. *Fasal 81* bertujuan untuk memperuntukkan tatacara mengenai kemasukan semula dalam daftar sesuatu perkongsian terhad Labuan dan perkongsian liabiliti terhad Labuan yang telah dipotong daripada daftar dan kesannya.

74. *Fasal 82* memperkatakan kesan pemotongan perkongsian terhad Labuan dan perkongsian liabiliti terhad Labuan daripada daftar.

75. *Fasal 83* memperkatakan kewajipan untuk mengekalkan kerahsiaan.

76. *Fasal 84* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk mengakses dan memeriksa buku, rekod, dokumen dsb., perkongsian terhad Labuan dan perkongsian liabiliti terhad Labuan, dan untuk menghendaki mana-mana pekongsi, pegawai atau pekerja perkongsian terhad Labuan dan perkongsian liabiliti terhad Labuan untuk memberikan maklumat. *Subfasal 84(4)* juga bertujuan untuk menghendaki orang yang mengemukakan apa-apa maklumat kepada Lembaga untuk mengemukakan maklumat yang benar dan tepat.

77. *Fasal 85* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sekiranya terdapat ketidakselarasan, peruntukan dalam Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan.

78. *Fasal 86* bertujuan untuk memperuntukkan pemakaian dan ketidakpakaian rukun equiti dan *common law*, dan Akta Perkongsian 1961 bagi perkongsian terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

79. *Fasal 87* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk menyatakan tatacara jika tiada bentuk ditetapkan atau tiada tatacara dinyatakan di bawah Akta yang dicadangkan tentang apa-apa tindakan atau langkah yang dikehendaki atau dibenarkan dilakukan di bawah Akta yang dicadangkan.

80. *Fasal 88* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa, atas syor Lembaga, untuk mengecualikan sesuatu perkongsian terhad Labuan dan perkongsian liabiliti terhad Labuan daripada mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan.

81. *Fasal 89* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan dan untuk memperuntukkan penalti denda yang tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan itu.

82. *Fasal 90* memperuntukkan perlindungan bagi Lembaga, mana-mana pegawai diberi kuasa, ejen atau pekhidmat Lembaga yang menjalankan apa-apa kuasa di bawah Akta yang dicadangkan daripada dibawa guaman jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati.

83. *Fasal 91* mengandungi peruntukan pemansuhan dan kecualian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2673]